

ZIONIS

MENJERUT



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Tingkat 9, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

PRAKATA	vii
KALAM PENGANTAR	ix
BAB 1: MENGENALI TABIAT YAHUDI DAN ZIONIS	1
1.0 MUKADIMAH	1
1.1 TABIAT ORANG-ORANG YAHUDI MENURUT GAMBARAN AL- QUR'AN	2
1.2 SIAPAKAH ZIONIS?	26
1.3 IDEOLOGI ZIONISME	28
1.4 MODUS OPERANDI GERAKAN ZIONIS	29
1.5 MATLAMAT UTAMA GERAKAN ZIONIS	33
1.6 ANTARA ZIONISME DAN YAHUDI	36
1.7 ZIONISME DAN FREEMASONRY	39
1.8 KESIMPULAN	41
BAB 2: KONSPIRASI YAHUDI ZIONIS TERHADAP UMAT ISLAM	43

2.0	MUKADIMAH	43
2.1	KONSPIRASI YAHUDI ZIONIS UNTUK MELEMAH DAN MELUMPUHKAN ISLAM	44
2.2	KESIMPULAN	56
BAB 3:	AGENDA ZIONIS TERHADAP UMAT MANUSIA	59
3.0	MUKADIMAH	59
3.1	FOKUS UTAMA PROTOKOL ZIONIS	61
3.2	KESIMPULAN	74
BAB 4:	TINDAKAN MASYARAKAT DUNIA DAN KESANNYA TERHADAP GERAKAN ZIONIS	75
4.0	MUKADIMAH	75
4.1	RESPONS TOKOH-TOKOH ANTARABANGSA TERHADAP YAHUDI DAN GERAKAN ZIONIS	75
4.2	FATWA ULAMA-ULAMA ISLAM	79
4.3	KETETAPAN UNDANG-UNDANG NEGARA MALAYSIA	84
4.4	NATIJAH PEMBOIKOTAN EKONOMI TERHADAP ZIONIS	86
4.5	KESIMPULAN	87

BAB 5:	PERSEDIAAN UMAT ISLAM MENGHADAPI ZIONIS	89
5.0	MUKADIMAH	89
5.1	MENANGANI CABARAN PENGUSAAN OLEH GOLONGAN YAHUDI ZIONIS	90
5.2	KESIMPULAN	95
NOTA HUJUNG		97

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Zionis Menjerut* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Selangor. Buku ini diterbitkan bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan akidah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Buku ini menerangkan secara terperinci mengenai Yahudi dan Zionis dan sifat-sifat mereka sepetimana yang digambarkan oleh kitab suci Al-Qur'an. Melalui penerangan ini, pembaca akan dapat mengenali Yahudi Zionis yang merangkumi ideologi yang dibawa, modus operandi mereka serta matlamat gerakan ini diwujudkan.

Selain itu, buku ini turut menceritakan sejarah wujudnya ideologi Zionisme serta kekejaman yang dilakukan oleh golongan ini dalam memastikan agenda mereka terlaksana terutamanya terhadap umat Islam. Pembaca juga turut didedahkan dengan komplot Zionis terhadap tanah air umat Islam dan agenda yang sering dimainkan dalam aspek politik, ekonomi, akhlak dan intelektual serta penguasaan media.

Pandangan tokoh-tokoh antarabangsa bukan Islam dan fatwa para ulama Islam turut dimuatkan di dalam buku ini bagi menunjukkan bahawa penentangan terhadap Yahudi Zionis bukan disebabkan sentimen agama, tetapi melibatkan pencabulan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Penghasilan buku ini diharap dapat memberi gambaran sebenar berkaitan Yahudi Zionis dan agenda serta perancangan

halus mereka dalam memecah belah dan melemahkan umat Islam. Fakta yang diketengahkan diharap dapat menyuntik kefahaman umat Islam mengenainya dan seterusnya mencetuskan kesedaran kepada umat Islam untuk lebih berwaspada terhadap golongan ini.

Semoga penerbitan buku ini dapat memberi pencerahan berhubung Zionisme dan sekaligus menjadi panduan kepada umat Islam supaya lebih bijak menangani golongan ini serta dapat menghindari lebih awal agenda yang sedang dan akan dilaksanakan bagi membolehkan umat Islam mengambil langkah yang proaktif dalam menanganinya.

Begitu juga, adalah diharapkan buku ini dapat disebarluaskan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya umat Islam, bagi memastikan agenda Zionisme yang dirancang tidak mudah mempengaruhi dan memperdayakan kita, sekaligus menghalang perpecahan dalam kalangan umat Islam serta demi mengekalkan perpaduan sedia ada di negara tercinta ini.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan *"Jazakumullahu Khairan Kathira"* kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah*
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS**

KALAM PENGANTAR

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنَاهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مِنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضَلٌّ لَهُ، وَمِنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

Buku *Zionis Menjerut* menghidangkan kepada pembaca tabiat semula jadi orang-orang Yahudi yang telah disebutkan secara terperinci di dalam Al-Qur'an Al-Karim. Penulis sengaja memilih untuk memulakan pembicaraan tentang Zionis menurut kaca mata Al-Qur'an bagi membawa pembaca memahami kalam Tuhan tentang Yahudi yang sudah pastinya tidak diragui kebenarannya. Setelah itu, penulis menghuraikan sejarah ringkas penubuhan Gerakan Zionis yang pada hakikatnya adalah penerusan pada jenayah Yahudi terhadap para Nabi dan Rasul yang diutuskan kepada mereka.

Pembaca yang telah memahami tabiat semula jadi Yahudi sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an tidak akan terkejut apabila dihidangkan tentang kelicikan strategi Zionisme dan kekejaman mereka. Ini kerana tabiat Yahudi tidak akan berubah biarpun dijenamakan dengan pelbagai jenama baru seperti Zionis, Freemason dan lain-lain. Demikian juga, pembaca yang dibekalkan dengan maklumat tepat dari Al-Qur'an berkaitan tabiat Yahudi supaya akan sentiasa berwaspada dengan sikap baik Yahudi sekalipun mereka bergerak atas nama kelab-kelab kebajikan seperti Kelab Rotary dan Kelab Lions.

Penulis mengharapkan risalah kecil ini mampu menyuntik kefahaman terhadap umat Islam tentang bahaya Zionis seterusnya mencetuskan kesedaran untuk sama-sama berwaspada dan berhati-hati dengan tipu daya mereka. Diharapkan juga, risalah kecil ini mampu menggerakkan pembaca untuk menjadi agen untuk menggerakkan kesedaran kepada orang-orang yang terdekat seperti keluarga, sahabat handai dan rakan sekerja.

Abu Abdurrahman Salman Zainal Abidin

18 Julai 2014

BAB 1

MENGENALI TABIAT YAHUDI DAN ZIONIS

1.0 MUKADIMAH

Membicarakan persoalan Zionis bererti memperkatakan tentang satu bangsa yang telah lama diceritakan oleh Allah SWT di dalam Al-Qur'an, iaitu bangsa Yahudi atau Bani Israil. Bangsa ini telah diberikan kelebihan oleh Allah SWT dengan diutuskan dalam kalangan mereka begitu ramai para nabi dan rasul. Sewajarnya keistimewaan ini menjadikan mereka bersyukur kepada Allah SWT. Sebaliknya, Bani Israil seringkali digambarkan sebagai bangsa yang menderhaka kepada Allah SWT serta sentiasa melakukan kerosakan di muka bumi. Allah SWT telah merakamkan di dalam Al-Qur'an sikap orang-orang Yahudi sebagai peringatan kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya berwaspada dengan tipu helah mereka.

1.1 TABIAT ORANG-ORANG YAHUDI MENURUT GAMBARAN AL-QUR'AN

1. Mudah Terjerumus Ke Dalam Kekufuran

Firman Allah SWT:

وَأَخْنَدَ قَوْمًا مُوسَىٰ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلَيْهِمْ عَجْلًا حَسَدًا لَهُ خُواْرٌ
الَّمَّ يَرَوْا أَنَّهُ لَا يُكَلِّمُهُمْ وَلَا يَهْدِيهِمْ سَبِيلًا أَتَخْذُوهُ وَكَانُوا




Maksudnya:

"Sesudah keberangkatan Nabi Musa (ke Gunung Tursina), kaum Nabi Musa membuat daripada barang-barang perhiasan mereka, patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara (yang didengari). (Allah SWT berfirman): 'Apakah mereka tidak memikirkan bahawa patung itu tidak dapat berkata-kata dengan mereka dan tidak dapat juga menunjukkan jalan kepada mereka?' Mereka menjadikannya (berhala yang disembah), dan sememangnya mereka adalah orang yang melakukan kezaliman."

(Surah Al-A'raaf; 7 : 148)

Huraian:

Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa setelah perginya Nabi Musa AS ke Gunung Tursina untuk bermunajat dan menerima wahu daripada Allah SWT, seorang pengikut Baginda yang bernama Samiri telah membuat patung anak lembu daripada emas yang dipinjam daripada orang Qibti ketika mereka berada di Mesir. Samiri kemudiannya menjadikan patung itu bersuara seperti suara lembu. Seterusnya dia mendakwa patung anak



lembu itu adalah tuhan sebenar mereka, dan juga tuhan kepada Nabi Musa AS. Maka disebabkan perbuatan menyembah patung anak lembu itu, mereka telah menjadi kufur.¹

2. Angkuh Dan Sombong Terhadap Perintah Nabi Musa Supaya Bertaubat Kepada Allah SWT

Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمْوَسَى لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى نَرَى اللَّهَ جَهْرًا فَأَخَذْتُكُمْ

الصَّاعِقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika kamu berkata: 'Wahai Musa, kami tidak akan beriman kepadamu sebelum kami melihat Allah dengan terang (secara nyata dengan mata kepala kami).' Kerana itu kamu disambar petir sedangkan kamu semua melihatnya."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 55)

Huraian:

Peristiwa ini terjadi apabila Nabi Musa AS meminta pengikutnya yang terpilih seramai 70 orang dalam kalangan Bani Israil supaya bertaubat kepada Allah SWT disebabkan dosa mereka mensyirikkanNya dengan menyembah patung anak lembu. Tetapi, mereka enggan beriman dan bertaubat kecuali setelah mereka dapat melihat Allah SWT secara nyata di hadapan mata mereka. Disebabkan kebiadaban yang melampau ini, kesemua mereka telah mati disambar petir sebagai balasan azab daripada Allah SWT².

3. Tidak Bersyukur Kepada Nikmat Kurniaan Allah SWT

Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَنْمُوسَى لَنَ نَصِيرَ عَلَى طَعَامٍ وَحِلِّ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ
تُخْرِجَ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَابِهَا وَفُوْمَهَا وَعَدَسَهَا
وَبَصَلِهَا قَالَ أَتَسْتَبِدُونَ بِالَّذِي هُوَ أَدْنَى بِالَّذِي هُوَ
خَيْرٌ أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَا سَأَلْتُمْ


Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika kamu berkata, 'Wahai Musa, kami tidak dapat bersabar (sudah jemu) dengan satu makanan sahaja. Oleh sebab itu, mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, agar Dia mengeluarkan bagi kami sebahagian daripada apa yang tumbuh di bumi; berupa sayur-sayuran, dan mentimun, bawang putih, kacang dal, dan bawang merahnya.' Nabi Musa menjawab, 'Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan sesuatu yang lebih baik? Pergilah kamu ke salah satu bandar, maka pasti di sana kamu boleh mendapati apa yang kamu minta itu.'"

(Surah Al-Baqarah; 2 : 61)

Huraian:

Kisah ini berlaku ketika kaum Nabi Musa AS telah disesatkan oleh Allah SWT selama 40 tahun disebabkan keengganannya mereka masuk dan berjihad di bumi Palestin. Disebabkan ketiadaan makanan, kaum Bani Israil telah meminta Nabi Musa AS berdoa kepada Allah SWT supaya menurunkan rezeki kepada mereka. Allah SWT memperkenankan doa Nabi Musa AS dengan menurunkan makanan berupa burung dan air madu kepada



Bani Israil. Setelah beberapa lama, mereka merasa jemu dengan makanan yang sama, lantas meminta Nabi Musa AS dengan cara yang biadap, iaitu (mintalah kepada Tuhan engkau) supaya Allah memberi kepada mereka makanan yang lain. Sesungguhnya, sikap Bani Israil sangat menghairankan, lantas Nabi Musa AS menempelak mereka yang tidak tahu membezakan makanan yang baik kualitinya berbanding apa yang diminta oleh mereka iaitu, bawang putih, bawang merah, sayur-sayuran dan kacang dal.³

4. Membunuh Para Nabi Yang Diutuskan Kepada Mereka

Firman Allah SWT:

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذِلْلَةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَصْبٍ مِّنْ أَنَّ اللَّهَ
 ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِإِيمَانِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ
 بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya:

"Mereka ditimpakan kehinaan dan kemiskinan, serta mereka pulang dengan membawa kemurkaan kepada Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka mengkufuri (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaranNya); dan membunuh para nabi (seperti Nabi Zakaria dan Yahya) tanpa ada alasan yang benar. Yang demikian itu terjadi disebabkan mereka selalu menderhaka dan mereka pula sentiasa melampaui batas.

(Surah Al-Baqarah; 2 : 61)

Huraian:

Diriwayatkan bahawa orang-orang Yahudi telah membunuh 300 orang nabi dalam tempoh sehari.⁴ Nabi Zakaria AS dan anaknya Nabi Yahya AS adalah antara yang dibunuh oleh orang-orang Yahudi kerana enggan tunduk kepada permintaan pemimpin-pemimpin mereka.⁵ Demikianlah tabiat jahat orang-orang Yahudi yang tidak berubah hingga ke zaman Nabi Muhammad SAW apabila mereka beberapa kali membuat percubaan untuk membunuh Baginda SAW.

5. Berdolak Dalik Dalam Melaksanakan Suruhan Allah SWT

Firman Allah SWT:


قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذُلُولٌ تُشْرِئُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرَثَ
مُسَلَّمَةً لَا شِيَةَ فِيهَاٰ قَالُوا أَكُنَّ حِجَّتَ بِالْحَقِّ فَدَخَّوْهَا وَمَا

كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya:

"Nabi Musa menjawab, 'Sesungguhnya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dimaksudkan itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (ladang), dan tidak pula (digunakan) untuk menjirus tanaman (sebagai pengangkut air). Ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.' Mereka berkata, 'Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar.' Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat melaksanakannya (perintah Allah itu)."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 71)



Huraian:

Pada suatu ketika, telah berlaku pembunuhan dalam kalangan Bani Israil tanpa diketahui siapakah pembunuhnya yang sebenar. Orang-orang Yahudi lantas berjumpa Nabi Musa AS supaya Baginda berdoa memohon petunjuk daripada Allah SWT. Baginda kemudiannya diwahyukan supaya mengarahkan Bani Israil menyembelih seekor lembu dan memukul bahagian badan lembu itu kepada mayat. Orang-orang Yahudi tidak berpuas hati dengan perintah nabi mereka dengan alasan kondonnya Allah SWT tidak memberitahu secara jelas bagaimanakah ciri-ciri lembu yang dikehendaki. Mereka terus mendesak Nabi Musa AS berkali-kali sehingga akhirnya Allah SWT telah menetapkan kepada mereka supaya menyembelih seekor lembu yang mempunyai sifat-sifat yang sangat sukar untuk diperoleh. Akhirnya, mereka terpaksa membelinya dengan harga yang sangat mahal iaitu dengan tukaran emas seberat kulit lembu tersebut.⁶

6. Mengingkari Janji Dan Menyelewengkan Kitab Taurat Yang Diturunkan Kepada Mereka

Firman Allah SWT:

فِيمَا نَقْضُهُم مِّيثَاقُهُمْ لَعَنَّهُمْ وَحَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَسِيَّةً تُخْرِفُونَ
 الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ وَنَسُوا حَظًا مِّمَّا ذُكِرُوا بِهِ وَلَا تَرَأَلُ
 تَطْلُعُ عَلَىٰ خَابِيَّةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَأَصْفَحْ إِنَّ
 اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ




Maksudnya:

"Maka, disebabkan mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami lakanat mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras membantu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah Allah daripada tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan (meninggalkan) sebahagian daripada peringatan-peringatan yang disampaikan kepada mereka (Taurat). Engkau wahai (Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit daripada mereka (yang tidak khianat). Maka, maafkanlah mereka (jika mereka mahu bertaubat) dan janganlah dihiraukan. Sesungguhnya Allah mencintai orang yang berbuat baik."

(Surah Al-Maa''idah; 5 : 13)

Huraian:

Allah SWT telah melaknat orang-orang Yahudi disebabkan pelanggaran mereka terhadap perintah Allah SWT di dalam kitab Taurat. Selain itu, mereka juga sengaja mengubah isi kandungan kitab Taurat terutamanya yang berkaitan dengan pemberitaan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Disebabkan perbuatan jahat itu, hati mereka menjadi keras dan sangat sukar untuk menerima kebenaran. Kebanyakan orang-orang Yahudi juga sangat suka mengkhianati perjanjian dan sangat kuat permusuhan dan dendam mereka terhadap Nabi Muhammad SAW.⁷



7. Sengaja Mencipta Helah Untuk Melanggar Perintah Allah

Firman Allah:

وَلَقَدْ عَمِّتُ الَّذِينَ أَعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي الْسَّبَّتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً

خَسِئِينَ
٦٥

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang dalam kalangan kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu (yang keluar menangkap ikan), lalu Kami berfirman kepada mereka: 'Jadilah kamu kera yang hina.'"

(Surah Al-Baqarah; 2 : 65)

Huraian:

Kisah ini terjadi di tempat yang bernama Ayla yang bersempadan di antara Syam (Syria) dan Mesir. Penduduk di kampung itu merupakan orang-orang Yahudi yang bekerja sebagai nelayan. Allah SWT telah mensyariatkan hari Sabtu sebagai hari untuk mereka melakukan ibadah sepenuhnya tanpa melakukan sebarang pekerjaan yang lain. Walau bagaimana pun, pada setiap hari Sabtu, ikan-ikan kelihatan begitu banyak dan galak bermain di permukaan pantai tidak seperti hari-hari lain. Ini merupakan ujian keimanan kepada mereka untuk menguji sejauh manakah mereka patuh kepada perintah Allah SWT. Terdapat sebilangan orang Yahudi cuba melakukan helah dengan memasang perangkap pada hari Sabtu bertujuan memerangkap ikan-ikan yang begitu banyak. Ikan-ikan itu kemudiannya hanya diambil pada malam Ahad. Mereka beranggapan dengan berbuat demikian, mereka tidak melanggar larangan yang telah ditetapkan ke atas mereka. Mereka terus mengulangi helah yang sama dalam tempoh beberapa lama

walaupun ditegah oleh segolongan Yahudi yang lain. Akhirnya, Allah SWT telah menukarkan mereka menjadi kera dan setelah tiga hari, kesemua mereka telah mati.⁸

8. Mendustakan Para Rasul


Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۚ وَإِنَّا
عِيسَى ابْنُ مَرِيمَ الْبَيْتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدْسِ ۗ فَكُلُّمَا جَاءُوكُمْ
رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنفُسُكُمْ أَسْتَكْبِرُّمُ فَفَرِيقًا كَذَّبُتُمْ وَفَرِيقًا
تَقْتُلُوتُ ۚ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Nabi Musa kitab Taurat, dan Kami menyusulkan setelah itu dengan beberapa orang Rasul, serta Kami berikan kepada Nabi Isa Ibnu Maryam beberapa mukjizat dan Kami teguhkan kebenarannya dengan Ruh Al-Qudus (Jibril). Maka patutkah, apabila setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sompong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian daripada para rasul itu (seperti Nabi Isa) kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya (seperti Nabi Zakaria dan Yahya)?”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 87)



Huraian:

Allah SWT menceritakan anugerah yang diberikan kepada Bani Israil, iaitu terdapat ramai para nabi dan rasul telah diutuskan dalam kalangan mereka, antaranya Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS. Sekalipun segala bentuk petunjuk telah jelas dibawa kepada mereka, orang-orang Yahudi tetap mendustai para Nabi yang diutuskan kepada mereka, bahkan terdapat dalam kalangan nabih-nabih yang telah dibunuh oleh orang-orang Yahudi.⁹

9. Sangat Tamak Terhadap Harta Dunia

Firman Allah SWT:

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ الَّنَّاسَ عَلَىٰ حَيَاةٍ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا
يَوْدُ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعْمَرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحِّجٍ مِنَ الْعَذَابِ
أَنْ يُعَمِّرَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ



Maksudnya:

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang panjang masanya), dan (tamaknya mereka kepada hidup itu) melebihli tamak orang kafir musyrik. Setiap seorang daripadamereka mengharapkan kiranya dia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat menyelamatkan dirinya daripada azab (yang disediakan oleh Allah). (Ingartlah), Allah maha melihat akan apa yang mereka lakukan.”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 96)

Huraian:

Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya mencabar orang-orang Yahudi agar mereka bercita-cita untuk mati memandangkan dakwaan mereka sebelum ini yang menyatakan bahawa syurga adalah khusus untuk orang-orang Yahudi semata-mata. Sebaliknya, apa yang berlaku, orang-orang Yahudi selama-lamanya tidak akan menyahut cabaran tersebut kerana mereka mengetahui disebabkan dosa-dosa yang mereka lakukan, mereka sudah pastinya akan dicampakkan dalam api neraka. Orang-orang Yahudi juga tersangat mencintai kehidupan dan kemewahan dunia, sehingga mereka sentiasa berangan-angan untuk hidup dalam tempoh yang lama.¹⁰

10. Bercita-Cita Menyesatkan Orang-Orang Beriman Supaya Kembali Kepada Kekufuran

Firman Allah SWT:

وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُونَكُمْ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ
 كُفَّارًا حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ
 فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قدِيرٌ

Maksudnya:

"Banyak dalam kalangan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul daripada diri mereka sendiri, sesudah nyata bagi mereka kebenaran (Nabi

Muhammad SAW). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah mereka, sehingga Allah mendatangkan perintahNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 109)

Huraian:

Allah menzahirkan sifat hasad dengki orang-orang Yahudi dan Kristian terhadap orang-orang beriman, disebabkan kehidupan mereka disinari dengan nur iman dan hidayah daripada Allah. Oleh yang demikian, mereka akan bergembira seandainya dapat mengembalikan orang-orang Islam kepada kekufturan.¹¹ Keadaan ini berlaku adalah kerana nabi yang membawa hidayah iman itu tidak dipilih dalam kalangan mereka.

11. Sentiasa Memusuhi Umat Islam

Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّهُمْ قُلْ
إِنَّ هُدًى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلِئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي
جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٌ

Maksudnya:

"Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepada engkau (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut Millah (agama) mereka (yang telah terpesong itu)."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 120)

Huraian:

Allah SWT menegaskan kepada Nabi Muhammad SAW dan orang-orang yang beriman berkenaan sikap orang-orang Yahudi dan Kristian terhadap mereka. Mereka selama-lamanya akan sentiasa memusuhi orang-orang Islam selagi mana orang-orang Islam tidak mengikuti agama mereka.¹² Kebenaran ayat ini terserlah apabila melihat tindak-tanduk orang-orang Yahudi di bumi Palestin. Oleh yang demikian, tidak menghairankan apabila Yahudi Zionis berulang kali melanggari perjanjian damai dengan terus menyembelih umat Islam di Palestin. Ayat ini menjelaskan kewajipan umat Islam supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati ketika berinteraksi dengan orang-orang Yahudi dan Kristian.

12. Menyembunyikan Kebenaran Sekalipun Telah Jelas Hakikat Kebenaran Itu Di Hadapan Mata Mereka


Firman Allah SWT:

الَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَبَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمْ وَإِنَّ
 فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكُتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾

Maksudnya:

“Orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan kitab (Taurat dan Injil) itu mengenali (Nabi Muhammad dan kerasulannya) sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka sendiri. Sesungguhnya sebahagian daripada mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedangkan mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian).”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 146)



Huraian:

Allah SWT membongkarkan perangai pendeta-pendeta Yahudi yang mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW walaupun mereka sangat mengenali peribadi Baginda berdasarkan tandatanda kerasulan yang terlalu jelas di dalam kitab suci mereka. Pengingkaran ini tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan kecintaan mereka kepada habuan dunia berbanding hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT .¹³

13. Berbohong Dan Sanggup Menggadaikan Prinsip Agama Kerana Ingin Mencapai Matlamat Dunia

Firman Allah SWT:

الَّمَّا تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبَهَا مِنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْرِ
وَالظَّاغِنَاتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَؤُلَاءِ أَهْدَى مِنَ الَّذِينَ
ءَامَنُوا سَيِّلًا

Maksudnya:

“Tidakkah engkau perhatikan (wahai Muhammad) kepada orang yang telah diberikan bahagian daripada kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada Jibt dan Thogħut (sembahan orang kafir Quraisy), mereka berkata kepada orang-orang kafir (orang Musyrik di Makkah) bahawa mereka (kaum Musyrik itu) lebih betul jalan agamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad SAW).”

(Surah An-Nisaa'; 4 : 51)

Huraian:

Sebilangan orang-orang Yahudi yang diketuai oleh Ka'ab Bin Asyraf telah bertemu musyrikin Quraisy di Makkah bertujuan membuat pakatan memerangi Rasulullah SAW. Apabila orang-orang Quraisy bertanya tentang agama Islam dan bandingannya dengan anutan orang-orang Musyrikin yang menyembah berhala, Kaab Bin Asyraf telah mengakui bahawa agama orang Quraisy adalah lebih baik berbanding ajaran Islam yang mentauhidkan Allah SWT. Hakikatnya, mereka berbuat demikian adalah kerana ingin membodek dan mengampu orang-orang Quraisy supaya bersama mereka menentang Rasulullah SAW. Disebabkan perbuatan ini, mereka telah dilaknat oleh Allah SWT.¹⁴


14. Merencanakan Konspirasi Untuk Membunuh Nabi Isa AS

Firman Allah SWT:

وَيُكْفِرُهُمْ وَقَوْلُهُمْ عَلَىٰ مَرِيمَ بِهَنْنَا عَظِيْمًا ﴿١٥١﴾ وَقَوْلُهُمْ إِنَّا
قَتَلْنَا الْمُسِيْحَ عِيسَى ابْنَ مَرِيمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ
وَلَكِنْ شُيْهَهُ لَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ آخْتَلُفُوا فِيهِ لَفِي شَكٍّ مِنْهُ مَا لَهُمْ
بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا آتِيَّاعَ الظَّنِّ وَمَا قَاتَلُوهُ يَقِيْنًا ﴿١٥٢﴾

Maksudnya:

“Dengan sebab kekufuran mereka (terhadap Isa) dan tuduhan mereka terhadap Maryam (dengan tuduhan zina) yang amat besar dustanya.”



"Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan, 'Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibnu Maryam, Rasul Allah.' Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak menyalibnya, tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa). Sesungguhnya orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhaninya). Tidak ada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin."

(Surah An-Nisaa'; 4 : 156 - 157)

Huraian:

Orang-orang Yahudi bukan sahaja melanggar perjanjian untuk mematuhi segala titah perintah Tuhan dalam kitab Taurat, tetapi juga berterusan mencela Nabi Isa AS dengan menuduh Baginda dengan sejahterahan tuduhan, iaitu anak zina. Bahkan kejahanatan orang-orang Yahudi mencapai kemuncak sehingga tergamak berkomplot untuk membunuh Nabi Isa AS. Akhirnya, Allah SWT telah mematahkan cubaan orang-orang Yahudi dengan mengangkat Baginda ke langit. Sebagai gantinya, salah seorang pengikut Nabi Isa AS yang telah khianat telah diserupakan wajahnya dengan Baginda. Akhirnya, orang-orang Yahudi telah menyalib lelaki tersebut dalam keadaan mereka menyangka itulah Nabi Isa AS.¹⁵

15. Mendakwa Diri Mereka Sebagai Anak Tuhan

Firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحَبَّتُهُدُّ قُلْ فَلِمْ
 يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بَشَرٌ مِّنْ خَلْقٍ يَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ
 وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَلَلَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا
 ﴿١٨﴾ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ


Maksudnya:

"Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: 'Kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya.' Katakanlah (wahai Muhammad): (Kalau benar demikian), maka mengapaDia menyeksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? Bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang diciptakanNya. Dia mengampuni bagi sesiapa yang dikehendaki dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki. (Inginlah) Allah juga yang memiliki kuasa pemerintahan langit dan bumi serta segala yang ada di antara kedua-duanya, dan kepada Allah jualah tempat kembali."

(Surah Al-Maa''idah; 5 : 18)

Huraian:

Dakwaan orang-orang Yahudi yang menganggap mereka anak-anak tuhan adalah kemuncak kepada kebodohan dan kesesatan mereka. Disebabkan dakwaan ini, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW menempelak orang-orang Yahudi, jika benar dakwaan mereka, mengapa siksaan juga ditimpakan ke atas mereka? Hakikatnya, seorang ayah tidak akan menyiksa anak yang disayanginya. Allah SWT menegaskan bahawa orang-orang Yahudi itu sama kedudukannya dengan hamba-hambaNya yang



lain. Sesiapa sahaja dalam kalangan mereka yang beramat soleh akan diberikan ganjaran pahala. Sebaliknya, sesiapa sahaja dalam kalangan mereka yang berbuat kejahanatan, nescaya akan di balas dengan azab yang pedih.”¹⁶

16. Bersikap Melampaui Batasan Dengan Menyindir Allah Dan Rasulnya

Firman Allah SWT:

قَالُوا يَمْوَسَى إِنَّا لَن نَدْخُلَهَا أَبَدًا مَا دَامُوا فِيهَا فَأَذْهَبْ أَنْتَ
 وَرِبُّك فَقَاتِلَا إِنَّا هُنَّا قَعِدُونَ

Maksudnya:

“Mereka berkata; Wahai Musa, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya. Oleh itu, pergilah engkau bersama Tuhanmu dan perangilah mereka. Sesungguhnya kami hanya akan menanti di sini sahaja.”

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 24)

Huraian:

Ketika Nabi Musa AS diperintahkan berjihad di bumi Palestin bersama para pengikutnya, seruan itu disahut dingin oleh orang-orang Yahudi. Bahkan, dengan kebiadaban yang tidak dapat digambarkan, mereka tergamak menyuruh Nabi Musa AS berperang bersama-sama dengan Allah SWT sedangkan mereka hanya duduk menunggu kemenangan tanpa perlu melakukan sebarang usaha dan ikhtiar. Disebabkan kekufturan luar biasa yang

ditunjukkan oleh mereka, Allah SWT telah menghukum Yahudi Bani Israil dengan menyesatkan mereka di padang pasir selama 40 tahun.¹⁷

17. Suka Mendengar Cerita Bohong Dan Memakan Makanan Yang Haram

Firman Allah SWT:

سَمَّاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلْسُّخْتِ إِنْ جَاءُوكَ فَآحْكُمْ
بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضْرُوكَ شَيْئًا وَإِنْ
حَكَمْتَ فَآحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ


Maksudnya:

“Mereka sangat gemar mendengar berita-berita dusta dan banyak memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya).”

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 42)

Huraian:

Allah SWT menjelaskan sifat-sifat yang paling menonjol dalam kalangan orang-orang Yahudi, iaitu terlalu gemar mendengar berita palsu serta terlalu suka memakan harta yang paling keji pengharamannya iaitu harta yang diperoleh melalui jalan rasuah dan riba.¹⁸ Sesungguhnya kedua-dua sifat ini adalah ciri-ciri khusus orang-orang Yahudi di sepanjang zaman.¹⁹



18. Suka Melakukan Dosa, Memakan Harta Yang Haram Serta Menyebarluaskan Permusuhan

Firman Allah SWT:

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْإِلَاثِمِ وَالْعُدُوانِ وَأَكْلِهِمْ
 الْسُّخْتَ لَبِسْتَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ



Maksudnya:

"Engkau akan melihat kebanyakan daripada mereka (orang Yahudi itu) bersegera (cepat) dalam melakukan dosa dan permusuhan serta memakan yang haram. Sesungguhnya amatlah buruk apa yang telah mereka lakukan."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 62)

Huraian:

Antara sifat-sifat orang-orang Yahudi yang dijelaskan dalam ayat ini ialah mereka gemar berlumba-lumba melakukan kejahatan dan memakan rasuah serta melakukan segala bentuk cara yang keji bagi mendapatkan harta kekayaan. Perkara-perkara ini mereka lakukan secara terang-terangan kerana telah hilang perasaan malu dalam diri mereka serta tidak ada tegahan dan larangan daripada pendeta-pendeta mereka.²⁰

19. Melemparkan Tohmahan Yang Dahsyat Terhadap Allah SWT

Firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ غُلْتُ أَيْدِيهِمْ وَلَعُنُوا بِمَا قَالُوا بَلْ
 يَدَاهُ مَبْسُوطَاتٍ يُنْفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ مَا أُنْزِلَ
 إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ طُغِيَّنَا وَكُفَّرَا وَالْقَيْنَانَ بَيْنَهُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبُغْضَاءُ
 إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ كُلَّمَا أَوْقَدُوا نَارًا لِلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا اللَّهُ وَيَسِّعُونَ
 فِي الْأَرْضِ فَسَادًا وَاللَّهُ لَا تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ




Maksudnya:

"Orang Yahudi itu berkata: 'Tangan Allah terbelenggu' (sebagai sindiran terhadap Allah yang tidak melimpahkan rezeki yang luas kepada mereka). Tangan mereka kalah yang terbelenggu (kerana tidak mahu membuat kebaikan) dan mereka pula disebabkan apa yang mereka telah mereka ucapkan itu, bahkan "kedua-dua tangan Allah" sentiasa terbuka (sentiasa melimpahkan nikmat dan kurniaan yang luas). Dia menafkahkan sebagaimana yang Dia kehendaki."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 64)

Huraian:

Tuduhan dahsyat yang keji ini telah dilakukan oleh seorang lelaki Yahudi di zaman Nabi Muhammad SAW. Disebabkan rakan-rakannya tidak membantah apa yang dilakukannya, Allah SWT telah melaknat keseluruhan orang-orang Yahudi. Hakikatnya, orang-orang Yahudi adalah bangsa yang sangat bakhil, lebih-lebih lagi untuk menafkahkan harta mereka kepada perkara kebaikan.²¹



20. Sentiasa Berusaha Menyalakan Api Peperangan

Firman Allah SWT:

كُلَّمَا أَوْقَدُوا نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا اللَّهُ وَيَسِّعُونَ فِي الْأَرْضِ

فَسَادًا وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Setiap kali mereka menyalakan api peperangan (untuk memerangi Nabi Muhammad SAW dan umat Islam), Allah memadamkannya. Mereka pula terus-menerus berusaha melakukan kerosakan di muka bumi. Allah tidak menyukai orang yang melakukan kerosakan.”

(Surah Al-Maa’idah : 64)

Huraian:

Allah SWT menjelaskan hakikat orang-orang Yahudi yang sentiasa berusaha menyalakan api peperangan di antara bangsa dan negara dengan cara melaga-lagakan di antara sesama mereka. Walau bagaimanapun, cubaan mereka tidak akan berjaya sebagaimana kegagalan usaha mereka memerangi Rasulullah SWT dan orang-orang beriman yang bersama Baginda.²²

21. Sangat Keras Permusuhannya Terhadap Kaum Muslimin

Firman Allah SWT:

* لَتَحِدَّنَ أَشَدَّ الْنَّاسِ عَدَاوَةً لِلَّذِينَ إِمْنَوا أَلَيْهُودَ وَالَّذِينَ
أَشْرَكُوا


Maksudnya:

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang amat keras sekali permusuhannya kepada orang yang beriman ialah orang Yahudi dan orang Musyrik.”

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 82)

Huraian:

Allah SWT menegaskan bahawa orang-orang Yahudi dan kaum musyrikin adalah golongan yang sangat keras permusuhannya terhadap orang-orang Islam. Permusuhan orang-orang Yahudi adalah lanjutan daripada penderhakaan mereka terhadap para nabi dan rasul yang diutuskan kepada mereka sebelum ini. Orang-orang Yahudi juga menganggap Nabi Muhammad SAW sebagai penghalang kepada mereka untuk mengembalikan kegembilangan negara Yahudi yang pernah terbina suatu ketika dahulu.²³



22. Degil Dan Keras Kepala

Firman Allah SWT:

* وَإِذْ نَتَقَبَّلَا الْجَبَلَ فَوَقَهُمْ كَانُوا ظُلَّةً وَظَنَّوْا أَنَّهُ وَاقِعٌ بِهِمْ خُذُوا

مَا إِاتَيْنَاهُمْ بِقُوَّةٍ وَادْكُرُوا مَا فِيهِ لَعْلُكُمْ تَتَّقَوْنَ
١٧

Maksudnya:

"(Ingatlah wahai Muhammad) ketika Kami mengangkat gunung (Tursina) ke atas mereka (Bani Israil) seolah-olah gunung itu naungan awan dan mereka yakin bahwa gunung itu akan jatuh menimpa mereka, (lalu Kami berfirman kepada mereka): 'Berpeganglah dengan teguh (kitab Taurat) yang telah Kami berikan kepada kamu dan ingatlah selalu (amalkanlah) apa yang terkandung di dalamnya supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa.'"

(Surah Al-A'raaf; 7 : 171)

Huraian:

Kisah ini berlaku ketika Allah SWT memerintahkan orang Yahudi supaya berjanji untuk menerima dan berpegang kepada Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa AS. Tetapi, orang-orang Yahudi enggan menerimanya. Disebabkan itulah, Allah SWT telah mengangkat Gunung Tursina untuk dihempaskan ke atas kepala-kepala mereka. Akhirnya, disebabkan takut dibinasakan, mereka berjanji untuk menerima dan mengamalkan isi kitab Taurat. Walaupun begitu, didapati selepas itu ramai orang-orang Yahudi yang tidak mengambil serius terhadap perjanjian mereka dengan mengabaikan perintah Allah kepada mereka.²⁴

23. Orang-Orang Yahudi Terkenal Dengan Sifat Penakut

Firman Allah SWT:

لَا يُقْتَلُونَ كُمْ حَمِيعًا إِلَّا فِي قُرَىٰ مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ

Maksudnya:

“(Orang Yahudi dan orang munafik) tidak berani memerangi kamu walaupun mereka bersatu padu melainkan di kampung-kampung yang berbenteng kukuh, atau dari sebalik tembok...”


(Surah Al-Hasyr; 59 : 14)

Huraian:

Realiti di Palestin menyingkap sifat penakut dan pengecut orang-orang Yahudi di zaman moden. Sepertimana hal keadaan Yahudi Bani Nadhir yang tidak berani memerangi orang-orang beriman melainkan dengan cara bersembunyi disebalik kubu-kubu yang teguh, begitulah keadaan mereka menghadapi pejuang-pejuang Palestin.²⁵ Walaupun dilengkapi dengan senjata dan peralatan perang paling canggih, Yahudi Zionis tidak berani bersemuka dengan orang-orang Islam. Sebaliknya mereka hanya menggunakan pesawat pengebom yang tidak mengenal mangsa sama ada kanak-kanak, wanita, mahupun warga tua.

1.2 SIAPAKAH ZIONIS?

Zionisme atau ideologi Zionis ialah satu gerakan politik perkauman Yahudi yang ekstrem. Perkataan Zionis adalah merujuk pada sebuah bukit yang dikenali dengan nama ‘Zion’ yang terletak di Bandar Al-Quds, Palestin. Orang-orang Yahudi



percaya Nabi Sulaiman AS telah membina sebuah istana Baginda di atas Bukit Zion setelah baginda berpindah dari Hebron ke Baitulmuqaddis pada kurun ke-11 S.M. Oleh yang demikian, Zionisme menurut orang-orang Yahudi adalah simbolik kepada kerajaan bapa Nabi Sulaiman AS iaitu Nabi Daud AS. Justeru, pemilihan Zionis sebagai nama gerakan ini adalah bertujuan menyemarakkan semangat orang-orang Yahudi untuk kembali bangkit membina semula apa yang dikatakan Haikal Nabi Sulaiman AS yang kononnya pernah dibina di atas tapak Masjid Al-Aqsa.


Gerakan Zionis diinspirasikan penubuhannya oleh seorang Yahudi warga Austria, iaitu Theodore Hertzl. Beliau dianggap individu pertama yang menyeru kepada pemikiran Zionisme. Beliau adalah individu yang memainkan peranan penting dalam kehidupan golongan Yahudi zaman moden, yang mana beliau dianggap tokoh yang berjaya merealisasikan impian mereka. Idea-idea radikal Hertzl termuat dalam bukunya, *The Jewish State*. Lanjutan daripada itu, beliau telah menganjurkan perhimpunan pertama gerakan zionis bertarikh 29 hingga 31 Ogos 1897. Beliau berjaya menghimpunkan seluruh cendekiawan Yahudi bagi merangka satu himpunan protokol-protokol yang paling berbahaya kepada umat manusia yang kemudian dikenali dengan nama, *The Protocol of the Learned Eldest of Zion*.²⁶

Asas ideologi Gerakan Zionis adalah agama yang diadun bersama pemikiran sekular. Gerakan Zionis dianggap mewakili ideologi kebangsaan orang-orang Yahudi. Gerakan Zionis menganggap orang-orang Yahudi di seluruh dunia adalah warganegara Israel dan mereka berhak untuk kembali ke Israel pada bila-bila masa sahaja. Gerakan Zionis juga berperanan menjadi jambatan penghubung di antara orang-orang Yahudi yang tinggal di Israel dan mereka yang bermastautin di merata tempat di seluruh dunia.

1.3 IDEOLOGI ZIONISME

Pelopor Zionis mengetengahkan ideologi mereka berdasarkan Taurat yang telah diselewengkan oleh pendeta-pendeta Yahudi iaitu:

1. Menetapkan bahawa seluruh orang Yahudi di dunia walau di mana sahaja mereka berada adalah dianggap warga negara Israel.
2. Mendakwa bangsa Yahudi adalah bangsa terpilih yang wajib untuk dipatuhi oleh kesemua bangsa lain.
3. Menyetujui penegasan yang dibuat oleh para pemimpin Zionis bahawa era penguasaan agama terhadap pemerintahan sudah berlalu, sebaliknya tiba masanya kebendaan menguasai pemerintahan.
4. Menganggap bahawa cara terbaik untuk menakluki dunia adalah dengan cara menegakkan sebuah kerajaan yang melaksanakan prinsip kekerasan dan kekejaman dalam pemerintahan mereka.
5. Meyakini bahawa orang-orang Yahudi adalah bangsa pilihan yang dikurniakan Allah SWT keistimewaan yang tidak terdapat pada bangsa-bangsa lain.
6. Menegaskan bahawa politik adalah sinonim dengan kebejatan (kerosakan) akhlak. Mereka mananamkan bahawa tipu helah, konspirasi dan sifat-sifat buruk yang lain adalah menjadi satu kemestian dalam berpolitik. Dalam masa yang sama mereka menganggap kejujuran dalam politik adalah manifestasi kebodohan dan kehinaan.
7. Menghalalkan apa sahaja cara yang akan digunakan bagi mencapai sesuatu matlamat. Oleh itu, golongan Zionis menghalalkan bahkan mewajibkan perlakuan rasuah,




pengkhianatan dan tipu daya demi mencapai cita-cita mereka.²⁷

1.4 MODUS OPERANDI GERAKAN ZIONIS


1. Memperjuangkan matlamat utama golongan Zionis iaitu untuk menjadikan orang-orang Yahudi menguasai dunia. Langkah pertama mereka adalah dengan berusaha menegakkan negara Yahudi yang bukan sahaja dengan menjajah Palestin, tetapi bercita-cita menguasai bumi yang dijanjikan kepada mereka yang terbentang luas dari Sungai Nil di Mesir hingga Sungai Furat di Iraq.
2. Menguar-uarkan prinsip kebebasan dalam politik dengan matlamat menguasai majoriti. Sebenarnya tujuan mereka adalah untuk memerangkap umat dengan kebebasan tanpa sempadan.
3. Membantu menjayakan revolusi di mana-mana negara selama mana bermanfaat kepada mereka.
4. Menanamkan bibit perpecahan dalam sesebuah keluarga dengan menggalakkan sikap mementingkan diri sendiri.
5. Mempromosikan prinsip demokrasi mutlak sebagai cara pemilihan tampuk kepemimpinan sebuah negara. Walau bagaimanapun agen-agen Zionis berusaha terlebih dahulu membentuk pemikiran masyarakat awam untuk menyokong pemimpin yang direstui oleh zionis.
6. Memilih pemimpin negara-negara di dunia dalam kalangan mereka yang mempunyai rekod yang buruk. Oleh yang demikian, pemimpin ini akan menuruti apa sahaja kehendak zionis kerana takut rahsia mereka akan didedahkan kepada umum.

7. Memastikan apabila telah berjaya menguasai dunia, mereka tidak akan membiarkan lagi agama-agama lain wujud di dunia ini.
8. Menguasai kesemua media massa yang berpengaruh sebagai wasilah untuk menyebarkan dakyah-dakyah Yahudi. Kepalsuan yang disebarluaskan akhirnya dianggap sebagai kebenaran. Melalui media massa ini juga, Zionis berusaha melalaikan manusia dengan hiburan-hiburan yang merangsang syahwat.
9. Mendakwa bahawa para pemimpin dunia akan mematuhi segala arahan mereka yang menyebelahi kepentingan Yahudi. Ini kerana pelanggaran terhadap arahan pemimpin Zionis akan menyebabkan mereka dibunuh atau dipenjarakan.
10. Memastikan segala perancangan besar mereka tidak didedahkan serta tidak akan memusnahkan bangsa-bangsa selain Yahudi sebelum tiba masanya.
11. Menanam ilitizam untuk mewujudkan pentadbiran peringkat tertinggi yang diwakili oleh pendukung-pendukung mereka dari seluruh dunia. Entiti tertinggi ini akan dipatuhi oleh pemimpin negara di seluruh dunia.
12. Merangka usaha untuk menguasai perusahaan dan industri gergasi di dunia. Pada masa yang sama, menggalakkan corak hidup yang mewah dan melampaui batas. Caranya adalah dengan memudahkan pinjaman-pinjaman dari institusi kewangan mereka tetapi dengan mengenakan bunga yang tinggi. Kesannya masyarakat dunia akan terpaksa tunduk kepada pemodal-pemodal Yahudi.
13. Menzahirkan penentangan yang palsu terhadap kezaliman dan penindasan, sedangkan perkara itu adalah menjadi matlamat mereka.



14. Memporak-perandakan pemikiran manusia sehingga mereka menyangka semua propaganda Zionis adalah betul. Sehingga pada suatu keadaan di mana umat manusia tidak lagi mampu membezakan antara fakta dan auta. Mereka juga akan membentuk tenaga pakar yang akan menjadikan umat manusia mempunyai persepsi yang salah terhadap politik yang akhirnya meninggalkan urusan politik kepada ahli politik sahaja.
15. Memperbanyakkan anasir-anasir yang boleh merangsang syahwat yang akan merosakkan pemikiran para remaja.
16. Membina kekuatan sulit yang tidak mampu ditandingi oleh sesiapa pun. Dengan kekuatan yang ada, pemimpin Zionis boleh bertindak sesuka hati terhadap mana-mana negara di dunia.
17. Memusnahkan kestabilan negara-negara yang dibina atas dasar agama serta menggalakkan ideologi tidak bertuhan (ateis) dalam masyarakat. Sebaliknya, mereka menggalakkan penubuhan negara-negara yang tertegak atas dasar kebendaan semata-mata.
18. Mencabut nilai-nilai kemanusiaan dalam diri manusia. Sebagai gantinya mereka menyeru kepada kebendaan dan akhirnya umat manusia dibelenggu dengan sifat materialistik.
19. Menanamkan benih perpecahan di seluruh dunia yang tidak mungkin boleh dihentikan lagi. Mereka mencetuskan konflik di antara negara-negara serta menyalaikan api peperangan yang tidak berkesudahan. Kesannya, andai kata negara-negara di dunia mengetahui agenda Gerakan Zionis, mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Ini kerana mereka tidak mampu bersepakat disebabkan pemimpin utama negara-negara tersebut berada dalam genggaman Zionis.

20. Mengambil manfaat daripada sentimen-sentimen yang boleh merealisasikan matlamat mereka. Mereka akan mengeksplorasi ideologi-ideologi dan pemikiran yang boleh memberikan manfaat kepada mereka.
21. Menanamkan ketakutan terhadap kekuatan Zionis supaya masyarakat dunia berasa gerun lantas mematuhi apa sahaja kehendak mereka. Ini kerana, masyarakat dunia melihat bangsa Zionis adalah bangsa yang kuat, pakar strategi yang mahir yang boleh mengancam sesiapa sahaja yang tidak bersetuju dengan mereka.
22. Melaungkan slogan kebebasan, kesamarataan dan persaudaraan dengan tujuan memperdayakan masyarakat dunia.
23. Menegakkan pemerintahan berbentuk aristokrasi dengan bantuan kewangan dan kepakaran daripada mereka.
24. Memastikan pemimpin-pemimpin dunia berada dalam genggaman mereka. Zionis juga berperanan besar memastikan tokoh yang akan menduduki jawatan penting serta memastikan mereka ini adalah golongan yang paling buruk reputasi akhlak dan kualiti kepimpinannya.
25. Menguasai media massa bagi memudahkan saluran propaganda mereka.
26. Menanamkan bibit perpecahan di antara pemimpin dan rakyat. Apabila keadaan tidak terkawal, pemimpin ini akan meminta bantuan daripada orang-orang Yahudi.
27. Menyalakan api permusuhan di kalangan negara-negara dunia, bahkan berusaha agar peperangan berlaku. Apabila negara-negara utama dunia menjadi lemah, Zionis akan mengambil peluang untuk menguasai dunia.



28. Mendekati bangsa-bangsa yang ditindas dengan wajah seorang hero dan penyelamat yang ingin membantu mereka. Negara atau bangsa berkenaan, kemudiannya akan diperangkap untuk menyertai proksi-proksi Zionis seperti sosialis, komunis dan Freemason.
29. Memanipulasi ekonomi dunia sehingga mendatangkan kemelesetan kepada negara-negara di dunia. Akhirnya, negara-negara ini akan terpaksa tunduk kepada negara Yahudi yang stabil kerana simpanan emas yang dimiliki.
30. Merencanakan pakatan sulit dengan negara-negara yang menjadi sekutu mereka. Tindakan ini bertujuan untuk meraih sokongan antarabangsa apabila mereka bertindak menyerang negara-negara lain.
31. Menggalakkan idea kebebasan mutlak kepada umat manusia, sehingga mendorong mereka melawan tuhan. Manusia akan disibukkan dengan idea menuntut kebebasan sehingga akhirnya Zionis dapat menguasai mereka.
32. Merancang memusnahkan nilai moral dan akhlak bangsa-bangsa selain Yahudi melalui institusi pendidikan dan menggalakkan penubuhan tempat-tempat maksiat dan kelab malam.²⁸

1.5 MATLAMAT UTAMA GERAKAN ZIONIS

Matlamat Zionis yang paling utama adalah mewujudkan sebuah negara khusus untuk didiami oleh orang-orang Yahudi. Gerakan Zionis juga berusaha memastikan penghijrahan keseluruhan orang-orang Yahudi dari seluruh pelusuk dunia ke Israel. Bagi mencapai matlamat ini, mereka berusaha mempengaruhi tokoh-tokoh dunia yang berpengaruh untuk menyokong usaha


penjajahan mereka ke atas bumi Palestin. Modus operandi mereka adalah dengan cara mewujudkan pelobi-pelobi di seluruh dunia yang bekerja untuk kepentingan Yahudi dan negara Israel. Pelobi-pelobi ini tidak hanya terdiri daripada orang-orang Yahudi, tetapi juga dalam kalangan bukan Yahudi.²⁹ Dr. Mustafa Yusof Ad-Dawi menggariskan empat matlamat utama Gerakan Zionis:

1. Menegakkan negara Yahudi yang mempunyai identiti Yahudi sepenuhnya

Bagi mencapai matlamat ini, tindakan pertama yang seharusnya dilakukan ialah menghalau penduduk Palestin dan merampas tanah-tanah mereka. Pemimpin-pemimpin Zionis juga telah berusaha mewujudkan hubungan yang baik dengan negara-negara kuasa besar dunia bagi memastikan matlamat mereka tercapai. Hasilnya, negara-negara diseluruh dunia memberikan kemudahan, bahkan galakkan kepada orang-orang Yahudi seluruh dunia untuk berhijrah ke Palestin.

2. Memastikan keamanan dan keselamatan golongan Yahudi di Palestin

Keamanan yang dimaksudkan bukan perdamaian dengan rakyat Palestin, tetapi merujuk kepada keamanan dan keselamatan untuk orang-orang Yahudi di Israel. Ini bagi memastikan orang-orang Yahudi seluruh dunia tidak akan teragak-agak untuk berhijrah ke wilayah Israel. Bagi merealisasikan perkara ini, gerakan Zionis sanggup melakukan apa sahaja termasuklah membina tembok pemisah besar yang menyebabkan tanah-tanah dan kebun milik orang-orang Palestin dimusnahkan begitu sahaja. Mereka juga



telah menceroboh tanah milik rakyat Palestin dan membina penempatan yang dikawal rapi oleh tentera-tentera Zionis. Pada masa yang sama, undang-undang negara memberikan kebebasan kepada tentera Yahudi untuk bertindak kejam terhadap sesiapa sahaja yang dianggap mengancam keselamatan mereka.

3. Meluaskan sempadan geografi

Cita-cita pemimpin Zionis tidak terbatas dengan menguasai bumi Palestin semata-mata. Sebaliknya, Palestin hanyalah sebagai langkah permulaan mereka untuk membina negara Zionis. Sempadan negara Zionis tidak dapat ditentukan dengan had yang tertentu, sebaliknya mereka berusaha menjajah seluas mungkin. Ini adalah kerana menurut prinsip Taurat dan Talmud, orang-orang Yahudi mesti menguasai segenap inci muka bumi. Tuhan mereka menyeru orang-orang Yahudi supaya membersihkan muka bumi daripada bangsa-bangsa lain, hatta kanak-kanak bukan Yahudi. Perkara inilah yang telah ditegaskan oleh Perdana Menteri Israel yang pertama iaitu David ben Gurion dengan katanya: "*Sempadan negara Israel adalah apa yang mampu dicapai dalam peperangan, sesungguhnya apa yang telah ditetapkan oleh tuhan adalah lebih baik demi untuk menjamin keberlangsungan Israel.*"

Perkara ini dibuktikan dengan undang-undang negara Israel, di mana negara ini antara negara yang tidak mengisyiharkan sempadan negaranya secara konsisten. Perbincangan berkaitan sempadan negara diwarnai dengan pelbagai helah. Kadang kala Zionis berhujah dengan sempadan politik, sempadan keamanan, sempadan sejarah, sempadan yang ditetapkan dalam kitab Taurat dan lain-lain.

Bagi mencapai matlamat perluasan kuasa ini, rejim Zionis

sanggup melakukan pembunuhan kejam dengan bantuan pelbagai peralatan yang canggih, bahkan senjata-senjata yang diharamkan penggunaannya oleh masyarakat dunia.


4. Menguatkan ketenteraan dan ekonomi

Rejim Zionis menyedari kedudukan mereka dikelilingi oleh masyarakat Arab dan orang-orang Islam. Oleh itu, adalah sangat penting bagi mereka memiliki kekuatan persenjataan yang canggih bagi menjaga keselamatan orang-orang Yahudi daripada ancaman negara-negara jiran.

Kepentingan persenjataan dan ketenteraan yang kuat bagi orang Yahudi mendorong Theodore Hertzl sejak awal lagi meniupkan semangat kepada bangsa Yahudi bagi menjadikan mereka bangsa yang kuat serta dari bangsa yang ditindas kepada bangsa yang menindas orang lain. Oleh yang demikian, ketika awal penjajahan rejim Zionis ke bumi Palestin, perkara pertama yang dilakukan adalah membentuk kekuatan ketenteraan yang kejam dan ganas. Selain mewajibkan latihan ketenteraan kepada seluruh orang-orang Yahudi yang menetap di Israel, mereka juga sentiasa berusaha meningkatkan kekuatan ketenteraan dengan cara memiliki senjata-senjata yang paling canggih.³⁰

1.6 ANTARA ZIONISME DAN YAHUDI

Sebahagian pengkaji membezakan antara Zionis dan Yahudi. Mereka mendakwa tidak semua Yahudi berfahaman Zionis dan menyokong penubuhan negara Zionis di Palestin. Pandangan ini disokong oleh fakta penentangan sebahagian Rabbi Yahudi terhadap kekejaman tentera Zionis membunuh rakyat Palestin.



Misalnya, gerakan keagamaan Yahudi dikenali dengan Neturei Karta yang berpusat di Amerika Syarikat sangat tegas menentang penjajahan Zionis di Palestin.³¹ Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa penentangan mereka adalah juga atas faktor agama, bukan faktor kemanusiaan semata-mata. Mereka beranggapan kepulangan Yahudi ke Palestin tidak harus melalui jalan politik sebagaimana yang sedang dilakukan oleh Gerakan Zionis, sebaliknya adalah melalui proses ajaib yang didahului oleh kemunculan penyelamat yang diutuskan oleh tuhan kepada mereka.

Walaupun terdapat fakta yang cuba membezakan antara golongan Yahudi dan Zionis, namun hakikat yang jelas adalah atas Zionis itu sendiri berpaksikan pada ajaran Taurat yang telah diselewengkan serta kitab Talmud. Kedua-dua sumber ini, di samping pandangan-pandangan para cendekiawan mereka yang membentuk pemikiran ganas dan kejam golongan Zionis. Jika diteliti isi kandungan kitab Talmud, akan ditemui perintah-perintah yang bersifat melampau terhadap bangsa-bangsa selain orang Yahudi. Contohnya, terdapat ayat yang menegaskan kedudukan orang Yahudi yang lebih tinggi berbanding bangsa lain yang berbunyi; "*Kesemua bangsa selain Yahudi adalah binatang*" dan "*Daging jasad orang bukan Yahudi adalah seumpama daging keldai*." Demikian juga arahan yang memerintahkan supaya membunuh manusia selain Yahudi yang berbunyi: "*Hendaklah membunuh walaupun terhadap sebaik-baik manusia dalam kalangan bukan Yahudi*." Terdapat juga arahan yang menyeru kepada pemilikan harta orang bukan Yahudi secara zalim antaranya; "*Jika seorang Yahudi menemui barang hilang yang dimiliki oleh orang bukan Yahudi, jangan dipulangkan kepada pemiliknya*" dan "*Hendaklah orang Yahudi menjaga apa sahaja barang yang dicuri daripada orang bukan Yahudi*."³²


Tidak syak lagi bahawa sesiapa sahaja dalam kalangan orang Yahudi yang menghayati kitab Talmud yang menjadi sumber rujukan tertinggi agama Yahudi selepas Taurat, akan

membentuknya menjadi seorang yang sangat fanatik, kejam dan tidak berperikemanusiaan. Kitab ini juga yang menjadi anutan dan sumber ideologi Zionis. Matlamat utama Zionis juga adalah untuk mendirikan negara khusus untuk didiami oleh bangsa Yahudi sahaja.

Walaupun tidak dapat dinafikan terdapat segelintir orang-orang Yahudi yang secara jujur tidak bersepakat dengan Zionis, tetapi jumlah mereka adalah tersangat kecil. Perkara yang sama juga berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW yang menyaksikan orang-orang Yahudi secara umumnya memusuhi Baginda SAW walaupun terdapat sebilangan kecil yang bersikap lunak.

Kesimpulannya, boleh ditegaskan bahawa Yahudi dan Zionis adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan. Tabiat buruk dan perlakuan jahat orang Yahudi yang dijelaskan di dalam Al-Qur'an adalah sifat semula jadi mereka yang terhasil daripada anutan terhadap kitab Taurat yang telah diselewengkan. Sifat-sifat ini juga terdapat dalam diri orang-orang Yahudi pada zaman moden sama ada yang terlibat dengan Gerakan Zionis secara langsung mahupun tidak. Fakta ini dijelaskan oleh seorang cendekiawan Islam, Sheikh Abdul Rahman Hasan Habannakah yang menegaskan bahawa idea memisahkan gerakan Zionisme dan Yahudi adalah hasil tipu daya yang dirancang oleh orang-orang Yahudi yang sudah tentunya sangat bijak untuk mengelabui mata orang-orang Islam. Beliau menegaskan bahawa cukuplah sejarah Yahudi sepanjang zaman, kebersamaan prinsip Zionis dengan agama Yahudi menjadi bukti kukuh bahawa seluruh Yahudi di dunia adalah Zionis atau setidak-tidaknya adalah penyokong kepada Gerakan Zionis.³³

Persamaan sikap yang wujud dalam kalangan pengikut fahaman Zionis zaman moden juga tidak banyak bezanya dengan golongan Yahudi. Kisah yang berlaku di antara Abdullah Bin



Salam RA, seorang pendeta Yahudi yang memeluk agama Islam dan memberi penyaksian kepada Nabi SAW tentang perangai kaumnya yang sangat suka berbohong dan mengada-adakan cerita. Pendedahan beliau membuktikan sifat keji Yahudi yang telah mendarah daging dalam jiwa mereka, pada zaman mana pun mereka berada.³⁴

1.7 ZIONISME DAN FREEMASONRY

Freemasonry adalah gerakan yang didalangi oleh orang-orang Yahudi yang ingin merampas tanah Palestin dan membina kembali Haikal Nabi Sulaiman AS di bawah runtuhan Masjid Al-Aqsa. Pemerintahan yang berpusat di Palestin ini akan diperluaskan ke Syria, Iraq, Jordan, Mesir dan seterusnya menuju ke Madinah dan Arab Saudi. Pergerakan ini ditubuhkan bagi mengembangkan fahaman Yahudi dengan cara bergiat cergas dalam bidang pendidikan, politik, budaya dan sosial.³⁵ Oleh yang demikian, gerakan Freemasonry pada hakikatnya adalah sekutu rapat gerakan Zionis yang berkongsi matlamat dan cita-cita yang sama, iaitu memusnahkan Masjid Al-Aqsa dan menguasai bumi Palestin, seterusnya menguasai masyarakat dunia.

Hakikat ini dijelaskan oleh Dr. Yahya Mohd Rabi'e, pensyarah di Universiti Al-Azhar yang menegaskan bahawa kedua-dua kumpulan ini bekerja untuk kepentingan Yahudi dan melaksanakan cita-cita mereka.³⁶ Antara bukti-bukti yang menunjukkan perkaitan antara keduanya:

1. Kedua-duanya bergerak di balik tabir, merancang segala aktiviti secara rahsia tanpa diketahui siapakah orang-orang yang terlibat secara jelas.
2. Kedua kumpulan ini muncul hasil cetusan idea orang-orang

Yahudi yang mengambil inspirasi kitab Talmud dan kitab Taurat yang telah diselewengkan.


3. Zionisme dan Freemasonry merancang untuk memusnahkan semua agama kecuali agama Yahudi.³⁷

Pemimpin Yahudi Zionis dan Freemason memahami bahawa mereka memerlukan proksi dan pertubuhan yang dilihat ‘baik’ bagi memudahkan penyebaran idea-idea mereka serta menguasai masyarakat dunia. Oleh yang demikian, inisiatif digerakkan untuk menubuhkan pertubuhan-pertubuhan kebajikan seperti Kelab Lions dan Kelab Rotary.

1. Kelab Lions

Pertubuhan ini diasaskan pada tahun 1915 oleh seorang peguam muda yang bernama Mulfin John. Tujuan asal penubuhan kelab ini adalah untuk memberi jaminan insurans kepada mana-mana syarikat yang tidak mahu memberi jaminan kepada mangsa perang dengan cara menggabungkan semua syarikat insurans di bawah satu naungan. Kelab Lions telah mengadakan kongres yang pertama pada tahun 1918 yang dihadiri oleh 22 orang Yahudi Freemason. Kelab ini merupakan cabang kepada gerakan Freemasonry yang didukungi oleh Yahudi antarabangsa.

Kini, Kelab Lions dilihat bermatlamatkan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat dan membantu menyelesaikan permasalahan mereka. Hakikatnya, matlamat ini hanyalah slogan rekaan bagi menutup perancangan rahsia mereka.



2. Kelab Rotary

Kelab Rotary ditubuhkan sekitar tahun 1903-1908 di Chicago, Amerika Syarikat sebagai menyahut seruan Theodore Hertzl yang meyarankan supaya Gerakan Zionis dan Freemason mempelbagaikan cabang-cabang pergerakan mereka. Kelab ini diasaskan oleh salah seorang anggota Freemasonry yang bernama Paul Harris yang merupakan seorang peguam. Pertubuhan ini berfungsi sebagai markas pengumpulan maklumat dan perkaderan ahli-ahli yang akan berperanan menyebarkan ideologi Zionis dan Freemason.

Bagi mengelabui mata masyarakat dunia, pertubuhan ini menzahirkan dirinya sebagai pertubuhan kebajikan yang menganjurkan pelbagai aktiviti khidmat sosial seperti konsert amal, mempromosikan peluang-peluang pekerjaan dan lain-lain.³⁸

1.8 KESIMPULAN

Al-Qur'an telah merakamkan secara terperinci sifat dan tabiat orang-orang Yahudi kepada umat Islam sebagai panduan untuk mereka menghadapi tipu helah golongan tersebut sepanjang zaman. Umat Islam seharusnya menginsafi kelicikan orang-orang Yahudi menyembunyikan identiti mereka di sebalik pertubuhan-pertubuhan kebajikan bertujuan mengelirukan umat Islam dan menagih simpati masyarakat dunia.

Justeru, adalah sangat wajar umat Islam berwaspada terhadap segala muslihat Gerakan Yahudi yang tampil dengan wajah lunak di sebalik pertubuhan yang berselindung di atas nama kebajikan. Hakikatnya selagi mana mereka berpegang kepada Taurat yang diselewengkan, selagi itulah kejahatan akan terus subur dalam jiwa mereka.

BAB 2

KONSPIRASI YAHUDI ZIONIS TERHADAP UMAT ISLAM

2.0 MUKADIMAH

Walaupun orang-orang Yahudi pernah ditindas di Eropah disebabkan tanggapan penganut Kristian yang mendakwa mereka adalah pembunuh Jesus Christ, Islam tetap menjadi sasaran utama untuk dilumpuhkan. Ini berikutan dendam mereka terhadap Nabi Muhammad SAW yang telah menghalau kesemua penganut Yahudi dari kota Madinah disebabkan pengkhianatan mereka terhadap perjanjian mereka dengan Baginda SAW.

Oleh sebab itu, usaha Yahudi untuk melumpuhkan ajaran Islam bukan perkara baharu. Malah, kemunculan ajaran Syiah adalah cetusan idea Abdullah Bin Saba', seorang Yahudi dari Yemen yang berpura-pura memeluk agama Islam. Kurun ke-20 menyaksikan konspirasi Yahudi yang tidak pernah berkesudahan untuk melemahkan umat Islam dari segala aspek.

2.1 KONSPIRASI YAHUDI ZIONIS UNTUK MELEMAH DAN MELUMPUHKAN ISLAM

1. Memperjuangkan Dendam Kesumat Yang Berpanjangan Terhadap Umat Islam

Selain membenci Nabi Muhammad SAW yang didakwa menghalau nenek moyang mereka di Madinah, faktor lain yang mengundang kebencian Yahudi terhadap umat Islam hanyalah kerana Islam satu-satunya kekuatan yang tetap teguh berhadapan segala tipu muslihat Zionis. Umat Islam sekalipun dalam situasi yang paling lemah dalam sejarah, namun cahayanya masih belum padam. Di setiap sudut muka bumi akan didapati orang-orang Islam yang prihatin terhadap ajaran Islam serta bercita-cita membangunkan khilafah Islamiah yang akan bernaung di bawahnya jiwa-jiwa yang subur dengan keimanan.


Maka disebabkan faktor inilah, Islam menjadi sasaran yang sentiasa menjadi fokus utama pemimpin-pemimpin Zionis:

- i. Abba Eban pernah mengungkapkan dalam satu syarahannya di salah sebuah universiti di Amerika Syarikat:

“Sesungguhnya kita tidak khuatir kepada golongan nasionalis dan sosialis di Timur Tengah. Tetapi kita takut dengan kekuatan Islam, agama yang mula bangkit di tempat itu.”

- ii. Ben Gurion, Perdana Menteri Israel yang pertama telah mengungkapkan:

“Kami tidak takut kepada golongan sosialis, tidak juga golongan pencetus revolusi serta golongan pendokong demokrasi di sini (Israel), akan tetapi yang kita bimbang adalah Islam. Agama ini telah lama tidur, tapi kini agama itu mula bangkit.”



- iii. Isaiah Bowman, seorang penulis Yahudi pernah berkata:

"Eropah wajib berasa bimbang dengan agama Islam. Agama ini muncul di Makkah, tidak pernah berkurang pengikutnya, bahkan semakin bertambah kekuasaannya. Islam ini bukan sahaja agama semata-mata, tetapi di antara prinsipnya yang paling menonjol adalah jihad. Maka, sangat perlu Eropah berhati-hati dengan agama Islam."

- iv. Chaim Herzog, seorang diplomat Yahudi di Amerika Syarikat telah menulis dalam Jerusalem Post bertarikh 25 September 1978:

"Sesungguhnya kemunculan gerakan kebangkitan Islam dalam tempoh masa yang cukup singkat menggambarkan dengan jelas bahawa kesemua diplomat dan jabatan-jabatan risikan Amerika dalam keadaan tidur dengan nyenyak."

- v. Siaran Radio Israel pada 5 September 1978 mengulas isu politik dengan menyebut:

"Sesungguhnya bangkitnya roh agama dalam jiwa masyarakat akan mengancam masa depan Israel dan juga negara barat."

- vi. Ovadia Yosef, Rabbi Besar Parti Shas yang merupakan sekutu rapat Parti Likud telah mengisyiharkan secara terang-terangan dalam sidang Parlimen Israel:

"Orang-orang Arab adalah bangsa yang paling jijik di atas muka bumi. Kitab Taurat mengarahkan supaya mereka semua dibunuh. Tanah Israel wajib dibersihkan daripada dihuni oleh bangsa lain selain daripada bangsa Yahudi."³⁹

- vii. Demikian juga pemimpin politik Britain, sejak awal lagi berusaha memastikan kelangsungan negara Yahudi. Hasrat mereka ditunjukkan dengan bantuan dan sokongan yang berterusan sejak awal kurun ke-20 lagi. Perdana Menteri

United Kingdom, Anthony Eden pernah menegaskan dengan katanya:

"Jangan benarkan orang-orang Arab bersatu atas dasar Islam. Jika penyatuan ini berlaku, mereka akan mengetuk pintu Eropah sebagaimana yang telah mereka lakukan pada kurun pertengahan suatu ketika dahulu."

Begitu jelas ketakutan Zionis dan sekutu kuat mereka Britain terhadap kebangkitan orang-orang Islam atas semangat Islam. Kebimbangan itu tidak lain kerana mereka sedar, kebangkitan Islam akan meletakkan jihad sebagai asas dalam penentangan mereka terhadap Zionis. Para pejuang Islam tidak akan teragak-agak mempertaruhkan nyawa dan darah demi membebaskan bumi Palestin. Bangsa Arab yang sangat dibenci oleh Zionis adalah kerana sebahagian besar yang mendiami bumi Palestin adalah mereka yang lebih mencintai jihad dan syahid daripada tunduk kepada Zionis.

Natijah kebencian dan dendam Zionis terhadap umat Islam secara umumnya dan bangsa Arab khususnya mendorong rejim tersebut sanggup membunuh kanak-kanak yang tidak berdosa. Perayaan-perayaan keagamaan mereka juga dimeriahkan dengan upacara menumpahkan darah orang-orang Islam. Seolah-olah upacara mereka tidak cukup syarat tanpa diserikan dengan pembunuhan umat Islam.

Salah seorang anggota rombongan dari Perancis, Robert B'rith telah menyaksikan kekejaman Zionis di Palestin antara 13-26 November 1990, dan telah merakamkan dalam majalah L'Humanite. Beliau menulis:

"Rejim penjajah Zionis telah melakukan kekejaman di Nablus yang sukar untuk digambarkan. Tentera-tentera Zionis telah membunuh kesemua yang ada tanpa menghiraukan antara yang menjadi mangsa mereka adalah kanak-kanak. Mereka membunuh tanpa sebab melainkan

terdorong oleh tuntutan ritual agama mereka. Orang-orang Palestin yang cedera dibiarkan begitu sahaja dan tidak dibenarkan untuk diberikan bantuan. Sesungguhnya Rejim Zionis telah menjarah tanah Palestin, membunuh rakyatnya, dan menghalau mereka dari tanah air. Hakikatnya, Zionis telah melakukan penindasan yang bersifat keseluruhan terhadap seluruh bangsa Palestin, dengan menggunakan segala cara, sekatan ekonomi, ugutan bunuh dan berusaha menghapuskan mereka dari bumi Palestin.”⁴⁰

2. Menjatuhkan Khilafah Islamiah

Dendam kesumat Yahudi terhadap umat Islam mendorong pada usaha menjatuhkan Khilafah Uthmaniah yang telah menaungi seluruh umat Islam selama lebih dari 600 tahun. Wilayah kekuasaannya meliputi India hingga ke Lautan Atlantik serta sebahagian negara Eropah. Lautan Mediterranean dahulunya adalah di bawah kekuasaan Kerajaan Islam.

Sultan Sulaiman Al-Qanuni, sultan ke-10 Kerajaan Uthmaniah telah berjaya membawa pasukan tenteranya hampir ke Vienna, Austria. Di sana, beliau telah tertarik dengan kecantikkan seorang perempuan Yahudi Caucasia dan mengahwininya. Peluang menjadi isteri khalifah memberi ruang cukup besar kepadanya untuk berkomplot melemahkan Kerajaan Uthmaniyah. Antara peranan yang dilakukan olehnya adalah:


- i. Mendorong khalifah mengeluarkan Yahudi Dunnama dari Sepanyol dan memindahkan mereka ke utara Greece, di mana mereka telah menjalani kehidupan yang lebih selesa.
- ii. Mempengaruhi khalifah mengundurkan tentera Uthmaniyah dari Eropah.
- iii. Merancang fitnah untuk membunuh mufti Uthmaniyyah yang menggalakkan jihad dalam kalangan kaum Muslimin.

Secara ringkasnya, Khilafah Uthmaniyyah menghadapi kegoncangan setelah penolakan Sultan Abdul Hamid II terhadap tawaran Theodore Hertzl, pemimpin Zionis. Hertzl meminta keizinan Sultan Abdul Hamid II untuk membenarkan penghijrahan besar-besaran orang-orang Yahudi ke bumi Palestin. Sebagai ganjarannya, Hertzl menawarkan 150 juta lira wang emas yang menyamai ratusan juta US dolar hari ini. Hertzl juga menawarkan untuk menyelesaikan hutang Kerajaan Uthmaniah yang agak tenat pada waktu itu. Namun, Sultan Abdul Hamid II dengan tegas menolak tawaran Hertzl walaupun mengetahui, akibatnya adalah beliau akan kehilangan takhta.

Hasil konspirasi Hertzl dan pengkhianat dalam kalangan Turki Freemason, Sultan Abdul Hamid II telah diturunkan dari takhtanya dan menjalani hukuman dibuang negeri di Salonica. Baginda telah menyaksikan detik-detik kejatuhan Khilafah Islamiah hingga kewafatannya pada tahun 1918.

Pemimpin Zionis terus melipatgandakan komplottunya, hingga akhirnya, dengan peranan seorang Yahudi Dunnama yang berpura-pura menonjolkan imej Islam, Mustafa Kamal Attaturk, Khilafah Islam terakhir telah runtuh pada tahun 1924. Antara jenayah-jenayah Kamal Attaturk yang kekal terpahat dalam lipatan sejarah adalah:

- i. Memansuhkan sistem sultan dan khalifah.
- ii. Memansuhkan sistem Mahkamah Syariah dan menggantikannya dengan undang-undang Perancis yang tidak berkait langsung dengan agama Islam.
- iii. Menutup pusat ibadat dan pengajian umat Islam.
- iv. Membuang Islam sebagai agama negara.
- v. Memansuhkan kementerian wakaf yang berfungsi membantu umat Islam.



- vi. Memansuhkan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi, sehingga upacara ibadat seperti azan, kitab Al-Qur'an, kesemuanya ditukarkan kepada bahasa Turki.⁴¹

3. Melakukan Kekejaman Zionis Di Bumi Palestin

Runtuhnya Khilafah Islamiah membuka seluas-luasnya ruang kepada Zionis untuk mencabul kesucian tanah air umat Islam, terutamanya Palestin, bumi yang terletak padanya kiblat pertama umat Islam. Nama-nama seperti Menachem Begin, Yitzhak Shamir, Count Bernadotte adalah antara senarai panjang pemimpin Zionis yang bertanggungjawab menyembelih ribuan rakyat Palestin dan menghalau penduduk-penduduknya. Bahkan, sekutu kuat Zionis, Britain tidak ketinggalan pernah menjadi mangsa kekejaman mereka. Tentera-tentera Zionis dilaporkan membunuh tentera Britain di Palestin dan menggantungkan mayat mereka di pokok zaitun. Motif mereka bertindak demikian adalah untuk mempercepatkan pengunduran tentera Britain dari Palestin supaya rejim Zionis segera dapat menegakkan negara haram Yahudi.

David Ben Gurion yang merupakan pemimpin Zionis tertinggi, dan Perdana Menteri Israel yang pertama telah berkata:

"Kami di sini adalah seumpama penajah Sepanyol yang menghapuskan bangsa Red Indian di Amerika dengan kekerasan dan senjata api."

Kata-kata ini diungkapkan ketika awal kedatangannya ke bumi Palestin.

Perdana Menteri Israel yang keenam, Menachem Begin yang juga merupakan pengasas Parti Likud dilihat gambarnya menyembelih orang Arab seperti menyembelih kambing. Begin juga bertanggungjawab memimpin pembunuhan besar-besaran

umat Islam di perkampungan Deir Yassin pada April 1948 yang mengorbankan lebih 10,000 rakyat Palestin. Begin yang tidak pernah menyesal dengan tindakannya, dengan sombongnya berkata:

"Kalau tidak kerana peristiwa Deir Yassin, nescaya tidak akan tertegak negara Israel."

Begin juga memberi galakan kepada kumpulan militan Zionis iaitu, Irgun, Stern dan Haganah supaya mempertingkatkan serangan ke atas umat Islam di Deir Yassin. Beliau dilaporkan berkata:

"Menjadi kewajipan ke atas kamu untuk membuang perasaan belas kasihan ketika kamu melihat darah mengalir daripada badan mereka. Kamu semestinya memahami bahawa negara Israel tidak akan tertegak melainkan di atas tanah air mereka, dan juga di atas tengkorak-tengkorak mereka."


Yitzhak Rabin, Perdana Menteri Israel ke-5 juga terkenal dengan kekejamannya. Beliau pernah menujukan ucapannya kepada tentera Zionis melalui siaran radio dan media cetak:

"Hendaklah kamu menghancurkan dada-dada orang Palestin dan memecahkan tulang-tulang mereka supaya terhenti gerakan Intifadah. Sesungguhnya orang-orang Palestin tidak akan dapat ditenangkan kecuali setelah mereka dibunu."

Beliau juga dilaporkan pernah berkata,

"Jikalau mampu aku tenggelam bandar Gaza dengan lautan, nescaya aku tidak akan melewatkannya sedikit pun."

Perdana Menteri Israel ke-7, Yitzhak Shamir telah membacakan petikan Taurat kepada peserta-peserta sebuah persidangan di Madrid yang berbunyi:



“Sesungguhnya para musuh pada akhir zaman akan terpaksa mematahkan pedang-pedang mereka dan akan mendatangimu dengan penuh kehinaan. Musuh-musuh akan mendatangimu untuk menyerah diri. Mereka akan menempa pedang-pedangnya menjadi mata bajak dan tombak-tombaknya menjadi pisau pemotong.”

Perkataan ini diucapkan olehnya setelah tentera Iraq tewas dalam Perang Teluk di tangan Amerika.⁴²

Sementara itu, Jeneral Ariel Sharon, Perdana Menteri Israel ke-11, kekejamannya terhadap rakyat Palestin sama sekali tidak akan dilupakan. Sharon ketika menjawat Menteri Pertahanan telah terlibat secara langsung bersama militan Phalangist Kristian membunuh lebih 3,000 rakyat Palestin yang berlindung di kem Sabra dan Shatila pada September 1982. Peranannya itu mendapat pujian media cetak Israel sehingga beliau digelar “Jeneral Buldozer”.

4. Merangka Komplot Zionis Terhadap Tanah Suci Umat Islam

Selain menjajah Baitulmuqaddis yang menjadi kiblat pertama umat Islam, pemimpin Zionis tidak pernah lupa terhadap dua kota suci umat Islam, Makkah dan Madinah. Sesungguhnya Zionis juga bertujuan menguasai Kaabah kerana ‘Bukit Zion’ yang dimaksudkan dalam kitab Isaiah, iaitu salah sebuah kitab suci mereka ialah Kaabah. Perancangan Yahudi sejak dahulu adalah menguasai Madinah Al-Munawwarah. Sangat mendukacitakan, perkara ini tidak dizahirkan di dalam mana-mana media cetak berbahasa Arab. Prof Dr. ‘Abid Tawfiq mendatangkan dua bukti yang menjelaskan perancangan Zionis ini.


- i. Bukit Zion menurut akidah orang-orang Yahudi adalah Kaabah. Perkara ini tidak diketahui oleh kebanyakan umat Islam pada hari ini. Pegangan ini merupakan kepercayaan

asas dalam kitab Taurat. Hakikat ini dijelaskan oleh Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah dalam kitabnya, *Hidayah Al-Hayara Fi Ujubati Al-Yahud Wa Al-Nasara*. Beliau menukilkan kitab Isaiah yang merupakan sebahagian daripada kitab Taurat yang berbunyi: “*Sesungguhnya, Aku meletakkan sebagai dasar di Zion sebuah batu, batu yang teruji, sebuah batu penjuru yang mahal, suatu dasar yang teguh: Siapa yang percaya, tidak akan gelisah!...*” Ibnu Qayyim kemudiannya mengulas, “*Bukit Zion adalah Makkah menurut Ahli Kitab, batu yang dimaksudkan ialah Hajar Al-Aswad yang dikucup oleh para raja dan mereka yang lain. Batu ini dikhususkan kepada Nabi Muhammad SAW dan umat Baginda.*”

Akidah ini sebenarnya adalah berpaksikan pada kepercayaan orang Yahudi bahawa setiap tempat yang pernah dijejaki oleh nabi mereka, tempat itu akan menjadi sebahagian daripada tanah Israel. Kaabah dibina oleh Nabi Ibrahim AS bersama anaknya Nabi Ismail AS. Oleh yang demikian, menurut kepercayaan mereka, Kaabah itu juga, dan kawasan sekitarnya adalah hak milik orang-orang Yahudi.

- ii. Yahudi Zionis bertujuan menakluki Madinah Al-Munawwarah. Ini adalah kerana, Madinah pernah didiami oleh enam kabilah Yahudi. Kesemua mereka telah dihalau oleh Rasulullah SAW disebabkan mengkhianati janji.

Tentera Zionis mendapat kemenangan dalam perang pada tahun 1967 disebabkan pengkhianatan sebilangan besar pemimpin negara-negara Arab. Sejurus selepas itu, seorang pemimpin tentera Zionis yang bernama Moshe Dayyan datang ke Masjid Al-Aqsa lantas berteriak kepada tentera-tenteranya supaya membawa kepadanya tangga panjang yang boleh mencapai menara Masjid Kubah Sakhrah. Dia menaiki anak tangga sehingga ke puncak menara dan bertanya kepada tenteranya, “*Di manakah arah kiblat orang-orang Islam?*”



Apabila diberitahu arah kiblat, dia berteriak, “*Wahai orang-orang Islam, kumpulkan tulang-tulang nabi kamu, tinggalkan kota Madinah, kami sedang menuju kepada kamu.*”

Setelah Zionis memenangi perperangan pada tahun 1967 dan berjaya menguasai Baitulmuqaddis, Ben Gurion telah mengumpulkan pasukan tentera Zionis berhampiran Masjid Al-Aqsa sambil berkata:

“*Kita telah berjaya menawan Al-Quds, misi kita sekarang ialah kota Yathrib.*”

Golda Meir, Perdana Menteri Israel yang ke-4 ketika berdiri di persisiran Pantai Aqabah yang memisahkan Israel dan Jordan telah berkata:

“*Sesungguhnya aku tercium bau nenek moyangku di Madinah dan Hijaz, itu adalah negeri kami, kami akan kembali kepadanya.*”


Setelah itu, pemimpin Zionis telah menyebarkan perancangan jangka panjang mereka untuk mewujudkan negara besar yang menjangkau antara Sungai Furat dan Sungai Nil. Negara-negara yang menjadi sasaran mereka termasuklah Jordan, Syria, Iraq, Mesir, Yemen, Kuwait dan seluruh Semenanjung Tanah Arab. Pemimpin Zionis telah menyebarkan peta negara idaman mereka kepada negara Eropah selepas memenangi perperangan pada tahun 1967. Gambaran negara besar ini yang kemudiannya dikenali dengan nama Israel Raya. Umat Islam seharusnya didedahkan dengan perancangan jahat ini supaya sentiasa bersedia menghadapi komplot Zionis.⁴³

5. Memperkuuhkan Senjata Zionis Untuk Membinasakan Umat Islam

Gerakan Zionis merancang pelbagai strategi bagi memastikan

segala perancangan mereka dapat dicapai dengan semaksimum mungkin, antaranya:

- i. Menggunakan godaan wanita, takhta dan harta bagi mengumpam pemimpin-pemimpin yang akan menjadi boneka mereka.
- ii. Menakut-nakutkan dengan ancaman yang palsu dan menyebarkannya dengan tujuan menimbulkan ketakutan kepada masyarakat dunia. Mereka juga akan mengugut untuk membekukan bantuan kewangan, atau memenjarakan pemimpin boneka mereka yang tidak mahu mengikut arahan mereka. Ancaman bunuh juga berlaku kepada pemimpin-pemimpin dan juga keluarga mereka. Pemimpin Zionis juga mampu menimbulkan suasana huru-hara dengan melagalkan negara-negara yang akhirnya membawa pada peperangan. Kemampuan luar biasa ini telah ditunjukkan dalam Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua.
- iii. Menggunakan media yang dikuasai oleh Zionis atau proksi mereka. Didapati hampir 90% syarikat media strategik di seluruh dunia dikuasai oleh Zionis dan sekutunya. Rangkaian media tersebut akan menyebarkan propoganda Zionis yang berkaitan dengan politik dan ekonomi. Mereka juga menggunakan media ini sebagai medium untuk merosakkan akhlak muda mudi melalui penyebaran gambar-gambar lucah. Pemimpin Zionis juga menggunakan media yang dikuasai untuk melancarkan kritikan balas terhadap mana-mana pemimpin yang mereka tidak suka. Lebih-lebih lagi agama Islam, akan digambarkan dengan wajah buruk yang menggerunkan masyarakat dunia. Media-media ini juga akan sentiasa memberikan liputan yang buruk terhadap mana-mana negara yang tidak tunduk kepada mereka.
- iv. Mengubah sistem pembelajaran di sekolah dan universiti dengan tujuan mengalihkan perhatian umat Islam dan



para cerdik pandainya daripada warisan ilmu para ulama terdahulu. Pemikiran pemuda-pemuda Islam akan diisi dengan sistem sekular yang membelaikan agama sebagai tunjang kehidupan. Hasilnya, pemimpin-pemimpin yang lahir daripada sistem ini akan mudah dipergunakan oleh pihak Zionis atau sekutu-sekutu mereka.

- v. Memperalatkan pengikut Kristian untuk membantu Zionis merealisasikan matlamat mereka. Antara pertubuhan Kristian yang menjadi alat Zionis adalah Gerakan Freemason, ajaran Qadiani dan Bahai. Di sana terdapat mazhab Kristian yang terang-terangan menyokong dan membantu Zionis iaitu Jehovah Witness, Seventh Day Adventist, Mormon, Christian Science, Apostolic Christian Church, Salvation Army, Unification Church, Evangelical Lutheran dan Evangelical Baptist Church.⁴⁴

6. **Menyelinap Ke Dalam Masyarakat Islam Untuk Merosakkan Ajaran Islam**

Gerakan Zionis telah menghantar orang-orang Yahudi terpilih untuk berpura-pura memeluk Islam. Dengan cara itu, mereka dapat menyelinap masuk dalam kalangan orang Islam, bahkan menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran. Antara insiden yang pernah direkodkan adalah:


- i. Sheikh Musa At-Tabri, berasal dari Tiberias. Beliau pernah dilantik menjadi imam di Masjid Al-Jazzar di Acre, Palestin. Umat Islam menganggap beliau seorang yang soleh dan berilmu. Disebabkan itu, beliau telah dilantik menjadi Hakim Syar'ii di Acre. Tiada seorang pun yang menyedari identitinya sehingga beliau meninggal dunia ketika berumur 70 tahun lebih. Sebelum kematiannya, beliau telah mewasiatkan supaya dikebumikan menurut upacara agama Yahudi. Lebih

45 tahun beliau menjadi perisik dalam masyarakat Islam serta dilantik sebagai Imam dan Hakim Syar'ii.

- ii. Muhammad Al-Muqri' pernah dilantik sebagai mufti di Tunisia. Semua fatwa beliau hanya tertumpu kepada keluarganya sahaja. Sesiapa yang mengingkari fatwanya dianggap kafir. Beliau kemudiannya kembali ke Israel dan mengumumkan kembali kepada agama asalnya, iaitu agama Yahudi.
- iii. Pada tahun 1948, tentera Mesir telah menangkap dua orang Yahudi yang berpakaian Arab Badwi. Kedua-dua mereka didapati mencampakkan kuman kolera ke dalam telaga di Gaza.
- iv. Abdul Aziz Al-Muhtadi merupakan anak kepada seorang pendeta Yahudi di Yemen. Setelah masuk Islam pada tahun 1936, beliau telah dididik oleh seorang ilmuwan Islam yang dikenali dengan nama Sheikh Ahmad sehingga mampu menjawat jawatan guru pendidikan Islam di Yemen. Beliau kemudiannya menetap di Palestin dan dilantik menjadi imam di sebuah masjid. Suatu ketika, para jemaah berasa ragu terhadap tingkah lakunya. Sebelum tindakan dapat diambil, Abdul Aziz telah melarikan diri dan meminta perlindungan daripada Jabatan Risikan Israel.⁴⁵

2.2 KESIMPULAN

Demikianlah bentuk-bentuk konspirasi Yahudi Zionis terhadap kelestarian Islam dan para pengikutnya. Kesemua fakta yang dirakamkan membenarkan segala amaran Allah SWT tentang permusuhan, dendam dan hasad dengki orang-orang Yahudi terhadap umat Islam sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:



Maksudnya:

* لَتَحِدَّنَ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا أَلْيَهُودَ وَالَّذِينَ
أَشْرَكُوا

"Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhan mereka kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik."

(Surah Al-Maa''idah; 5 : 82)

Justeru, sifat-sifat mahmudah seperti berbaik sangka, bertoleransi, saling bekerjasama dan tolong menolong adalah amat asing dalam kamus kehidupan orang-orang Yahudi. Umat Islam tiada pilihan lain untuk berinteraksi dengan orang-orang Yahudi ini melainkan dengan berwaspada dan berhati-hati terhadap segala tipu helah mereka. Pengkhianatan demi pengkhianatan terhadap perjanjian mereka dengan Nabi Muhammad SWT telah diulangi berulang kali oleh Yahudi moden terhadap perjanjian-perjanjian dengan umat Islam di Palestin.

BAB 3

AGENDA ZIONIS TERHADAP UMAT MANUSIA

3.0 MUKADIMAH

Gerakan Zionis telah membuat perancangan yang begitu rapi bagi memastikan segala matlamat mereka menguasai dunia dapat direalisasikan. Perancangan yang menggariskan arahan serta strategi untuk dilaksanakan telah dihimpunkan dalam dokumen yang dikenali dengan nama, "*The Protocol of the Learned Elders of Zion*" Protokol ini mengandungi 24 perkara pokok yang merangkumi perancangan berkaitan penguasaan politik dan ekonomi, kaedah memanipulasi pemikiran dan minda serta strategi merosakkan akhlak para pemuda.

Protokol ini memandu golongan Yahudi di seluruh dunia mendepani beberapa persoalan iaitu, "*Adakah orang-orang Yahudi memiliki sistem organisasi peringkat dunia?*" serta persoalan, "*Bagaimanakah perancangan dalam organisasi itu dilaksanakan?*"

Segala persoalan itu dijawab secara sistematik dalam 24 protokol tersebut. Penelitian terhadap keseluruhan protokol tersebut menjurus pada kesimpulan bahawa pihak yang merancang dan menyusun protokol tersebut memiliki pengetahuan tentang keupayaan manusia, sejarah dan kenegaraan. Protokol-protokol ini adalah sebuah hasil pemikiran menakjubkan yang menyeru pada meghalalkan apa sahaja cara asalkan matlamatnya


dapat dicapai.

Henry Ford, jutawan pengasas kereta Ford mengesan ancaman besar yang tersembunyi dalam protokol ini. Beliau menegaskan:

*"Protokol Yahudi bukan bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan atau mewujudkan kekacauan dalam negara melalui tindakan revolusi, tetapi memusnahkan seluruh manusia bukan Yahudi yang digelar Gentiles."*⁴⁶

Protokol ini mula diterbitkan pertama kali di Rusia pada tahun 1905 oleh Prof. Nilus⁴⁷ Peringatan Prof. Nilus tentang bahaya Yahudi pada mulanya tidak banyak menarik perhatian kecuali setelah beberapa tahun kemudian iaitu ketika terbongkarnya skandal rahsia di Inggeris yang mengakibatkan Raja Inggeris, King Edward terpaksa turun dari takhta. Buku protokol ini kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Victor Marsedan pada tahun 1921 dengan tajuk "*The Protocols of Learned Elderly of Zion*". 'Protocol' itu sendiri bererti keputusan, prinsip atau landasan. Buku ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia dan dibaca oleh para diplomat di pelbagai tempat di dunia.⁴⁸ Apa yang terangkum dalam protokol itu ialah usaha untuk menumbangkan seluruh kekuasaan yang ada agar dapat membangunkan satu kekuasaan baharu yang berdasarkan autokrasi.

Apabila kandungan protokol ini tersebar luas, orang-orang Yahudi di seluruh dunia berusaha keras menghapuskan protokol ini dengan pelbagai cara yang boleh mereka lakukan. Bagi menyembunyikan perancangan jahat mereka yang terbongkar, penulis-penulis upahan Yahudi berusaha menggambarkan bahawa protokol-protokol itu adalah palsu dan rekaan semata-mata oleh Prof. Nilus.



3.1 FOKUS UTAMA PROTOKOL ZIONIS

Pembacaan yang teliti terhadap isi kandungan protokol-protokol ini mendapati pemimpin Zionis memfokuskan usaha mereka terhadap aspek politik, ekonomi, akhlak dan intelektual serta penguasaan media. Ini berikutnya keempat-empat aspek ini merupakan tunjang pada kekuatan sesebuah negara bangsa.

1. Mencatur Politik Dunia

Orang-orang Yahudi sentiasa beranggapan bahawa mereka satu-satunya bangsa yang layak menjadi pemerintah. Ini kerana menurut mereka, tidak ada bangsa lain di dunia ini yang dikurniakan kebijaksanaan setaraf dengan orang-orang Yahudi. Perkara ini dijelaskan dalam Protokol Ke-15 yang berbunyi:

"Perbezaan yang ketara di antara ciri-ciri intelektual kita dan golongan bukan Yahudi menggambarkan dengan jelas pemilihan Tuhan ke atas bangsa kita. Kita mempunyai sifat istimewa yang melangkaui ciri-ciri manusia, jika dibandingkan dengan akal binatang orang-orang bukan Yahudi."

"...dari sini jelas bahawa sifat luar biasa yang ada telah mentakdirkan kita untuk memimpin dunia..."

Orang-orang Yahudi, di mana sahaja mereka berada, sama ada miskin atau kaya, bercita-cita menunggu saat dunia dikuasai oleh golongan mereka. Setiap daripada mereka akan berusaha untuk merealisasikan impian tersebut.⁴⁹ Strategi penguasaan politik ini bermula sebaik sahaja orang-orang Yahudi mula berhijrah secara besar-besaran ke seluruh pelusuk dunia. Dengan penuh licik, mereka mula menyusup masuk dalam pemerintahan sesebuah negara dan berpura-pura menzahirkan keikhlasan dan menyembunyi identiti Yahudi mereka. Strategi ini telah dilakukan


disetiap negara yang disinggahi oleh orang Yahudi. Ini bermakna setiap negara-negara besar, terdapat pegawai yang berkhidmat dengan penuh cemerlang dan cekap, serta kelihatan sangat patriotik. Namun hakikat yang sebenar, mereka bekerja dengan matlamat yang satu serta di bawah arahan organisasi yang satu, iaitu pertubuhan Zionis antarabangsa. Strategi ini dirakamkan oleh pemimpin Zionis dalam Protokol Ke-11 yang berbunyi:

*"Adalah satu bentuk rahmat Tuhan apabila Dia menjadikan bangsanya yang terpilih bertebaran ke merata-rata tempat. Perpecahan yang kelihatannya lemah ini sebenarnya adalah kekuatan bagi kita. Di mana dengan cara ini kita akan mampu mencapai kekuasaan di seluruh dunia."*⁵⁰

Kaedah-kaedah yang digunakan oleh mereka adalah:

- i. Menyebarluaskan idea-idea politik yang bertentangan di antara satu dengan yang lain. Setiap idea politik ini sudah tentunya mempunyai penyokong masing-masing. Akhirnya, akan wujud parti-parti politik yang saling bercakaran di antara satu sama lain.
- ii. Membesar-besarkan kelemahan negara dan keburukan pemimpin. Keadaan menimbulkan rasa sangsi rakyat terhadap kebolehan pemimpin dan kejujuran mereka dalam mentadbir negara. Situasi yang berterusan ini akan melahirkan warga yang tidak bersifat patriotik dan membenci negara mereka sendiri.
- iii. Menyebarluaskan ideologi-ideologi yang meracuni pemikiran masyarakat dengan cara halus tanpa disedari oleh mereka.

Kesemua perkara tersebut disebarluaskan oleh anasir Zionis melalui media cetak yang dikuasai oleh mereka. Hakikat ini dijelaskan oleh Protokol Ke-5 yang berbunyi:



“Wajib bagi kita untuk merealisasikan penguasaan ke atas minda masyarakat dengan mempersiapkan perangkap kepada mereka. Perangkap ini boleh disediakan dalam bentuk penyebaran idea-idea yang bertentangan yang datang daripada sumber yang pelbagai. Akhirnya, minda terbanyak akan memahami bahawa adalah lebih baik mereka tidak mempunyai apa-apa pandangan terhadap isu politik.”

Ejen-ejen Zionis akan berusaha untuk menyelinap masuk ke dalam sektor strategik termasuklah menjadi penasihat tertinggi dalam sesebuah negara. Contohnya, seorang Yahudi bernama Bernard Baruch yang dilantik sebagai penasihat kepada Presiden Amerika Syarikat, Woodrow Wilson pada tahun 1916. Beliau pernah berkata di hadapan ahli kongres:

“Sesungguhnya aku berkuasa untuk menentukan berlakunya peperangan lebih daripada lelaki lain.”

Bernard Baruch dikatakan lelaki paling berkuasa di Amerika Syarikat. Beliau mempunyai kata pemutus dalam setiap sektor strategik seperti majlis ketenteraan. Beliau juga mampu menjatuhkan atau menaikkan mana-mana pegawai. Beliau juga boleh memaksa sesiapa sahaja warga Amerika bukan Yahudi untuk memberikan apa sahaja maklumat dan rahsia yang diperlukannya. Bahkan, Baruch berperanan penting memberi nasihat kepada Presiden Amerika ketika itu, Thomas Woodrow Wilson dalam Perang Dunia Pertama.⁵¹

Penguasaan politik orang Yahudi terhadap badan dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga dilihat seawal penubuhannya. Sebelum berlakunya Perang Dunia Pertama, Zionis telah berusaha untuk menubuhkan PBB. Perkara ini pernah diutarakan oleh seorang tokoh Yahudi yang bernama Nahum Solokov di Persidangan Carlsbad pada tahun 1922. Seorang penulis Yahudi, Alfred Douglas pernah berkata, *“Sesungguhnya PBB akan menjadi pusat pentadbiran Yahudi dalam menguasai dunia.”*

Semenjak ditubuhkan, boleh dikatakan jawatan penting dalam PBB sentiasa dimonopoli oleh orang-orang Yahudi. Di antara tokoh-tokoh penting PBB yang berbangsa Yahudi adalah:

Bull Hammers	:	Ketua Sidang Mesyuarat
Sir J. Erick Drumond	:	Setiausaha Agung
Bull Mantox	:	Ketua Bahagian Politik
Major Abraham	:	Pembantu Ketua Bahagian Politik
Mrs N. Sabler	:	Setiausaha Bahagian Politik
Trijfi Le	:	Setiausaha Agung
Benjamin Cohen	:	Naib Setiausaha Agung
A.Rozanbrige	:	Penasihat Ekonomi
D.Wintrop	:	Ketua Bahagian Ekonomi
A.Filer	:	Ketua Bahagian Perundangan
J.Syapiru	:	Ketua Cawangan PBB di Geneva
Boutrous Ghali	:	Setiausaha Agung, berkahwin dengan wanita Yahudi Mesir
Kofi Annan	:	Setiausaha Agung, berkahwin dengan wanita Yahudi Sweden ⁵²

Pengaruh Yahudi Zionis terhadap politik di Amerika Syarikat juga dapat dilihat dalam pilihanraya pemilihan presiden negara tersebut. Setiap calon yang bertanding menunjukkan komitmen yang tidak terhingga kepada negara Israel. Contohnya, pada pilihanraya presiden tahun 2008 yang menyaksikan pertandingan antara John McCain dari Parti Republikan dengan Hillary Clinton dan Barrack Obama dari Parti Demokratik. John McCain telah menegaskan:

"Apabila berkait dengan isu mempertahankan Israel, tidak mungkin (tidak ada ruang) bagi kita untuk tawar-menawar."

Demikian juga Hillary Clinton, ketika menegaskan komitmennya di hadapan pemimpin Yahudi dari AIPAC (American Israel Public Affairs Committee):

"Realiti yang berlaku pada hari ini ialah kesulitan dan ancaman besar yang dihadapi oleh negara Israel. Kita akan membantu mereka sebagai sahabat kita dan akan berdiri teguh dengan nilai-nilai kita. Israel merupakan menara yang menyinari hidup kita daripada anasir radikal dan melampau."

Nada yang sama juga disuarakan oleh Obama apabila beliau menegaskan bahawa tidak akan melakukan sebarang perubahan berkaitan dasar Amerika Syarikat terhadap Israel walaupun beliau pernah menyatakan sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin pada tahun 2007.⁵³

2. Menguasai Ekonomi Dan Institusi Kewangan

Orang-orang Yahudi telah ditanamkan dalam pemikiran mereka bahawa seluruh kekayaan di muka bumi adalah milik mutlak bangsa mereka. Para pemimpin mereka berpendapat bahawa dengan memegang teraju perekonomian dunia akan mudah melaksanakan cita-cita Zionis antarabangsa. Perkara ini boleh didapati dalam Protokol Ke-8 yang menyatakan:


"Kita akan melengkapi keperluan pemerintahan dengan pasukan yang kuat. Mereka terdiri daripada ahli ekonomi yang berpengalaman puluhan tahun. Itulah sebabnya mengapa ilmu ekonomi menjadi ilmu yang penting bagi orang Yahudi khususnya. Dengan memegang teraju ekonomi dunia, kita akan dikelilingi oleh pemilik bank terutama mereka yang mempunyai kekayaan berbilion dolar, sebab dengan wang akan terlaksana segala maksud hati."

Bagi mencapai maksud tersebut, Zionis dengan bantuan ahli ekonominya akan menawarkan pelbagai cara, kaedah dan teori ekonomi. Mereka akan menyesuaikan cara-cara mereka berdasarkan situasi masyarakat yang ingin dikuasai. Pada tempat-tempat tertentu, mereka menerapkan kapitalisme, sementara pada tempat yang lain, mereka mempromosikan sosialisme. Hakikatnya, kedua-dua sistem ini sangat bermasalah dengan fitrah dan jiwa manusia.

Revolusi Industri telah mencetuskan gelombang baharu terhadap masyarakat Eropah. Orang-orang Yahudi yang berasa sesuai dengan gagasan revolusi berterusan mempropagandakan bahawa gagasan itu amat sesuai dengan kehidupan masyarakat Eropah. Antara kesan revolusi ini, ia telah mengendurkan syak wasangka dan prejudis masyarakat Eropah terhadap orang-orang Yahudi. Mereka mengambil kesempatan bijak hasil perubahan lanskap politik dan keterbukaan masyarakat. Kaum Yahudi terus mengembangkan sistem kapitalisme, sehingga sistem ini menjadi dominan dan membentuk masyarakat berfikir semata-mata untuk mencari harta benda sebanyak-banyaknya. Amalan riba berleluasa kerana bagi kaum Yahudi, tujuan akan menghalalkan segala cara, bukan cara yang menghalalkan segala tujuan. Keadaan ini mendorong pada jurang pemisahan yang semakin luas di antara golongan kaya dengan golongan miskin.

Sistem kapitalis yang menjadi teras dalam masyarakat Eropah memberi keuntungan yang tidak sedikit kepada orang-orang Yahudi antaranya:

- i. Kaum Yahudi mendapat kebebasan mutlak untuk menguasai serta merampas harta benda milik orang lain dengan bantuan sistem ekonomi kapitalis. Dengan demikian, mereka dengan mudah mengaut hasil keuntungan sebanyak mungkin, lalu menimbunkannya di gudang-gudang milik mereka.



- ii. Mereka berhasil menguasai pelbagai negara di Eropah menerusi perlindungan sistem Kapitalis.

Strategi Zionis yang lain adalah penguasaan terhadap pasaran tukaran wang hampir di seluruh dunia. Setiap 10 orang broker penukaran wang, sembilan daripada mereka adalah orang Yahudi. Maka, tidak menghairankan apabila mereka dilihat begitu cekap menguasai pasaran. Mereka boleh memanipulasi nilai mata wang mengikut kepentingan mereka.

Di Eropah, kaum Zionis telah berhasil menguasai penuh sektor ekonomi seperti sektor industri dan perdagangan.⁵⁴ Di Amerika Syarikat, Henry Ford, pengasas industri pembuatan kereta telah mengesan penguasaan ekonomi oleh Yahudi semenjak tahun 1920 lagi. Beliau menjelaskan bahawa hampir kesemua perniagaan penting dikuasai oleh orang-orang Yahudi. Ford menyenaraikan beberapa industri di Amerika Syarikat yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi semenjak artikel beliau disiarkan pada tahun 1920 iaitu:

- i. *The Motion Picture Industry.*
- ii. Perniagaan gula.
- iii. Industri tembakau.
- iv. Industri pembungkusan daging (penguasaan sebanyak 50% atau lebih).
- v. Industri pembuatan kasut (lebih 60% penguasaan)
- vi. Perusahaan pakaian lelaki dan wanita.
- vii. Perniagaan emas.
- viii. Perusahaan kapas.
- ix. Penerbitan akhbar dan majalah.


- x. Industri minuman keras.
- xi. Institusi peminjaman wang.

Henry Ford juga mendakwa bahawa menjadi fenomena biasa orang-orang Yahudi di Amerika Syarikat menjalani kehidupan yang mewah.⁵⁵ Oleh yang demikian, tidak menghairankan dalam tempoh kurang 100 tahun pendedahan Henry Ford, golongan Yahudi kini menguasai institusi kewangan antarabangsa IMF (*The International Monetary Fund*) dan Bank Dunia. Kedua-dua buah institusi ini berperanan memberikan dana kepada negara-negara yang menghadapi masalah kewangan. Melalui penguasaan terhadap kedua institusi kewangan ini, gerakan Zionis telah berjaya merealisasikan Protokol Ke-6 iaitu:

“Membangun kekuatan Zionisme melalui manipulasi ekonomi, terutama melalui perbankan dan kekuatan kewangan.”⁵⁶

Kajian akademik oleh Salawati Mat Basir dari Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati negara-negara Islam yang bernaung di bawah OIC (*Organisation of Islamic Cooperation*) yang terlibat sebagai penerima dana IMF menerima impak negatif dengan ketidakadilan syarat perjanjian yang dikenakan. Contohnya, IMF telah memberi bantuan kewangan kepada Indonesia pada pertengahan tahun 1990-an dengan mengenakan syarat-syarat yang menyebabkan Indonesia terpaksa memotong peruntukan kepada petani dan golongan miskin, mengurangkan jumlah kakitangan kerajaan dan menjual aset kepada pelabur asing. Ini kerana kononnya program ini akan menarik pelabur asing datang ke Indonesia. Apa yang berlaku kemudiannya, syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Indonesia mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Tetapi dalam masa yang sama rakyat kekal berada dalam kemiskinan dan tahap pengangguran yang tinggi.

Situasi yang sama juga berlaku kepada penerima bantuan



lain, negara Uganda, apabila IMF mengenakan syarat penswastaan kepada industri milik negara. Hasilnya, menurut laporan yang dibuat oleh badan bukan kerajaan yang terlibat sama dengan SAPRIN (*The Structural Adjustment Participatory Review International Network*), Bank Dunia dan Kerajaan Uganda mendapati bahawa proses penswastaan di Uganda telah menguntungkan kerajaan dan pihak korporat yang berkepentingan. Hakikatnya, rakyat mengalami kerugian besar hasil pelaksanaan dasar penwastaan apabila 350,000 orang telah diberhentikan kerja akibat penstrukturran semula organisasi yang terlibat dengan dasar tersebut. Syarat lain yang dikenakan kepada Kerajaan Uganda iaitu liberalisasi perdagangan juga menyebabkan rakyat bertambah derita. Keadaan ini berlaku apabila lambakan kopi luar ke Uganda menyebabkan kopi tempatan tidak dapat dijual dan mengalami kejatuhan harga yang teruk.⁵⁷

Hakikatnya, bermula seawal 1980-an, IMF dan Bank Dunia mendakwa mereka adalah organisasi yang berjasa membantu negara-negara membangun dan miskin untuk keluar daripada bebanan hutang yang banyak. Namun begitu, realitinya semakin banyak negara yang dibantu masih berada pada tahap yang sama, bahkan, sebahagian negara terus menderita dengan hutang yang semakin banyak.⁵⁸


3. Merosakkan Akhlak Dan Meracuni Pemikiran Umat Islam

Kaedah yang digunakan oehl Zionis untuk merosakkan pemikiran dan akhlak adalah melalui penyebaran ideologi-ideologi sesat yang mengambil tempat agama sebagai sumber nilai. Kesemua ideologi ini disebarluaskan oleh anak didik mereka sama ada yang berketurunan Yahudi ataupun tidak. Antara tokoh penting yang memainkan peranan ini ialah Sigmund Freud, Emile Durkheim dan Karl Marx.

Sigmund Freud, yang dianggap sebagai pengasas psikologi moden adalah seorang Yahudi yang juga merupakan rakan kepada Theodore Hertzl. Freud mengutarakan idea bahawa segala tingkah laku dan tindakan manusia adalah didorong oleh tenaga seksual (*libido*). Hakikatnya, menurut Dr. Sabri Jarjis, teori psikoanalisis yang dicetuskan oleh Freud tidak bersandarkan pada fakta ilmiah, sebaliknya bersumberkan pada warisan pemikiran Yahudi Zionis yang muncul sejak permulaan penyelewengan Taurat.⁵⁹ Seorang lagi tokoh pemikir, Emile Durkheim yang juga seorang berketurunan Yahudi, telah menyatakan bahawa sistem kekeluargaan bukan bersifat tabii dan menepati fitrah. Beliau juga menegaskan bahawa agama-agama tidak ada kaitan dengan Tuhan, bahkan kesemua agama dicipta oleh manusia. Demikian juga Karl Marx, pengasas komunis berketurunan Yahudi. Teori komunis ciptaananya telah mencetuskan pertelingkahan dan hasad dengki yang tidak berkesudahan antara golongan kaya dan golongan miskin. Tokoh-tokoh komunis juga berperanan mendorong perempuan-perempuan untuk membebaskan diri mereka daripada kongkongan keluarga dan rumah tangga.⁶⁰

Idea-idea ini kemudiannya telah mempengaruhi sebahagian pemikir-pemikir Islam antaranya Mahmud Azmi, Taha Husin dan Salamah Musa. Tidak syak lagi, bahawa kemunculan idea-idea ini membawa kesan yang sangat besar kepada umat Islam. Ini adalah kerana, kemunculan idea ini menjadikan umat Islam tidak lagi meyakini Al-Qur'an sebagai sumber dalam menentukan perlakuan baik dan buruk. Natijahnya, muncul dalam kalangan ilmuan Islam yang mengkritik ketulenan dan kesucian Al-Qur'an seperti Nasr Hamid Abu Zaid, Muhammad Arkoun dan lain-lain.

Era pasca modernisme sekali lagi melihat umat Islam diserang ideologi liberal bertujuan merosakkan akhlak umat Islam khususnya, seterusnya membebaskan mereka daripada pegangan agama. Ideologi Hak Asasi Manusia (HAM) dipromosikan kononnya sebagai nilai sejagat yang membawa kesejahteraan



kepada umat manusia secara keseluruhannya. Matlamat sebenar mereka hanyalah ingin mempromosikan nilai-nilai barat yang akan menghancurkan pegangan umat Islam. Isu-isu seperti LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender*) adalah termasuk di bawah perjuangan HAM. Ramai yang tidak menyedari individu yang bertanggungjawab menulis draf Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 ialah Charles Habib Malik, seorang pemikir Kristian berbangsa Lebanon, adalah orang yang sama di sebalik gerakan Phalangist yang membunuh sejumlah besar masyarakat awam Sabra dan Shatila di Palestin pada tahun 1982.⁶¹

Selain menjadikan ideologi ciptaan mereka sebagai alat untuk merosakkan pemikiran umat Islam, pemimpin Yahudi Zionis juga menggunakan filem sebagai medium untuk mencapai matlamat yang sama. Filem-filem yang ditayangkan di seluruh dunia menyajikan propaganda Zionis serta menyebarkan mesej yang menyumbang pada keruntuhan akhlak umat Islam. Justeru, tidak menghairankan apabila didapati syarikat perfileman besar seperti Time Warner, Disney, Paramount, 20th Century Fox, Dream Works dan Columbia dikuasai oleh Yahudi.⁶² Selain mempromosikan gaya hidup yang bebas daripada nilai agama, seringkali filem-filem ini menggambarkan orang-orang Islam sebagai penganas, bodoh, mundur dan pelbagai sifat negatif yang lain. Contohnya, filem yang berjudul '*You Don't Mess with the Zohan*' yang menyanjung Yahudi dan mengutuk masyarakat Arab Palestin yang dianggap penganas.

4. Menguasai Media Massa

Media massa adalah medium paling berpengaruh yang membentuk pemikiran seterusnya mempengaruhi tindakan seseorang. Sikap masyarakat dalam sesbuah negara terhadap sesuatu isu juga dipengaruhi oleh media. Menyedari kepentingan dan pengaruh media, pemimpin Zionis meletakkan media sebagai


medium penting untuk dikuasai. Perkara ini dijelaskan dalam petikan Protokol Ke-12 yang berbunyi:

“...akhtar kita tampil dalam pelbagai wajah bagi golongan atasan, sederhana, pembawa arus perubahan atau penggugat apa sahaja yang dibenarkan menurut perlembagaan. Penampilan sebegini memberi kita kelebihan bagi menyentuh segala hal dan pendapat berkaitan dengan orang ramai. Kumpulan yang disasarkan melalui pendekatan ini hanya mengulangi apa yang ditulis di dalam akhbar tanpa menyedari kita membentuk pemikiran mereka dan menetapkan isu apa yang perlu mereka bincangkan dan perdebatkan.”

Ternyata hasrat pemimpin Zionis melalui protokol ini telah dan sedang dilaksanakan dengan jayanya di Amerika Syarikat dan beberapa negara besar yang lain. Media-media di negara-negara maju menjadi sasaran Zionis kerana hakikatnya penyebaran berita ke seluruh dunia adalah bersumberkan media-media ini. Ini bererti mereka mampu menentukan apa bentuk berita yang ingin disampaikan kepada masyarakat dunia. Contohnya, pendirian media massa dunia terhadap isu Palestin, didapati editor hampir keseluruhan akhbar antarabangsa dilihat sangat jelas mengemukakan analisis yang sangat mesra kepada rejim Zionis.⁶³

Sekumpulan penyelidik dalam artikel, “Who Rules America?” menyenaraikan tiga akhbar utama di Amerika Syarikat iaitu *the New York Times*, *The Wall Street Journal* dan *The Washington Post*. Ketiga-tiga akhbar ini adalah paling berpengaruh dalam liputan politik dan ekonomi dan berperanan menentukan trend serta dasar terhadap hampir kesemua akhbar lain. Terdapat badan khusus yang mengawal selia penyebaran berita ketiga-tiga akhbar ini sama ada di peringkat dalam negara maupun antarabangsa. Sebagaimana yang dijangka, kesemua akhbar ini dimiliki sepenuhnya oleh tokoh-tokoh Yahudi.

The New York Times diasaskan pada peringkat awalnya oleh Henry J. Raymond dan George Jones pada tahun 1851. Kedua-



keduanya bukan berbangsa Yahudi. Walau bagaimanapun, setelah kematian mereka, akhbar ini telah diambil alih oleh hartawan Yahudi, Adolph Ochs pada tahun 1896. Semenjak itu, the New York Times terus dikuasai oleh keluarganya, dan kini cicitnya, Arthur Sulzberger adalah presiden terkini syarikat akhbar berkenaan. Timbalan Presiden, Michael Golden, dan Timbalan Presiden yang menguruskan operasi atas talian (online), Martin Nisenholtz kesemuanya adalah Yahudi. Selain *The New York Times*, Arthur Sulzberger juga menguasai 24 akhbar lain, lapan stesen televisyen, dua stesen radio dan 40 buah laman berita atas talian (online). Antara akhbar lain yang diterbitkan oleh *The New York Times* ialah *International Herald Tribune* yang merupakan akhbar harian paling luas edarannya di seluruh dunia.⁶⁴

The Washington Post antara akhbar berpengaruh yang dimiliki oleh keluarga Graham sejak tahun 1933. Syarikat *The Washington Post* juga memiliki beberapa rangkaian akhbar dan penerbitan bercorak militari, selain memiliki beberapa saluran televisyen antaranya WDIV di Detroit, KPRC di Houston, WPLG di Miami dan lain-lain. Sebanyak 12 juta buah rumah dianggarkan telah melanggan saluran televisyen milik *The Washington Post*. Selain itu, laman sesawang seperti *Newsweek.com*, *Washington Post.com*, *slate.com*, *BudgetTravel.com* dan *spring.com* juga dikatakan dimiliki oleh rangkaian keluarga Graham.

The Wall Street Journal adalah antara akhbar berpengaruh yang mencapai 2.1 juta edaran. Akhbar ini miliki oleh Dow Jones & Company. Syarikat ini juga menerbitkan pelbagai majalah yang berprestij antaranya *Far Eastern Economic Review*, *SmartMoney* dan akhbar harian berbahasa Rusia, *Vedomosti*. Les Hinton, Ketua Pegawai Eksekutif Dow Jones & Company pernah mendapat anugerah daripada *Jewish Community Relations Council of New York* pada tahun 2009 disebabkan sokongan kuatnya kepada pertubuhan Zionis. Beliau secara terang-terangan menyokong, kekerasan rejim Yahudi ke atas rakyat Palestin.

Fakta di atas menunjukkan penguasaan Yahudi secara terancang ke atas akhbar-akhbar dan saluran-saluran media penting yang lain bagi mempengaruhi corak pemikiran masyarakat dunia. Walaupun jumlah orang-orang Yahudi di dunia sangat sedikit berbanding bangsa-bangsa lain, pengaruh mereka terhadap media adalah sangat mengejutkan. Benarlah ungkapan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-48 pada 1 Oktober 1993:

*"Hanya sebahagian kecil manusia di barat menguasai semua media antarabangsa. Presiden-presiden boleh dinaikkan dan dijatuhkan oleh mereka. Mereka telah pun berbuat demikian."*⁶⁵

3.2 KESIMPULAN

Peranan Zionis terhadap politik dunia, ekonomi dan institusi kewangan tidak dapat disangkal lagi. Dakyah-dakyah Yahudi telah disebarluaskan hampir ke setiap ceruk dunia dengan begitu berkesan bertujuan membius pemikiran masyarakat khasnya umat Islam menerusi propaganda media yang dikuasai oleh mereka. Kesannya, masyarakat tidak lagi sensitif dengan nilai-nilai negatif yang hampir mendarah daging dalam masyarakat Islam seperti budaya hedonisme, ideologi-ideologi asing seperti kebebasan mutlak, sekularisme, kapitalisme, sosialisme dan lain-lain.

Tiada jalan lain bagi umat Islam melainkan bangkit dengan menggunakan instrumen yang sama iaitu media massa untuk menangkis propaganda-propaganda yang disebarluaskan khasnya yang berbentuk serangan pemikiran. Setidak-tidaknya, umat Islam sedar kondisi mereka yang sedang cuba dijahah melalui pemikiran. Tidak berpada hanya memberi kesedaran, para ilmuan Islam seharusnya berusaha membendung serangan ini dengan berusaha mengembalikan umat Islam menghayati ajaran Islam.

BAB 4

TINDAKAN MASYARAKAT DUNIA DAN KESANNYA TERHADAP GERAKAN ZIONIS

4.0 MUKADIMAH

Kemunculan ideologi Zionis dan tindak-tanduk Yahudi sedunia telah menarik perhatian masyarakat sangat. Bukan sahaja umat Islam, bahkan tokoh-tokoh masyarakat antarabangsa telah memberi respons yang negatif terhadap mereka. Ini bermakna, penentangan terhadap Yahudi tidak hanya disebabkan sentimen agama, tetapi adalah respons terhadap sikap mereka yang memusuhi dan mencabuli nilai-nilai kemanusiaan sangat.

4.1 RESPONSS TOKOH-TOKOH ANTARABANGSA TERHADAP YAHUDI DAN GERAKAN ZIONIS

Sikap orang-orang Yahudi dan pertubuhan Zionis telah mengundang reaksi tidak senang dalam kalangan tokoh-tokoh dunia, antaranya:

1. Benjamin Franklin dianggap sebagai *Founding of the United States*. Walaupun beliau meninggal dunia sebelum kelahiran


pertubuhan Zionis muncul secara rasmi pada tahun 1897, kelihatannya beliau dapat meneka langkah-langkah penyatuan Yahudi yang telah diaturkan sekian lama. Beliau telah memberi amaran tentang bahaya yang dibawa oleh golongan Yahudi:

“Di sana terdapat ancaman bahaya yang sangat besar kepada Amerika. Ancaman yang dimaksudkan datangnya daripada orang-orang Yahudi. Ini kerana di mana sahaja terdapat kaum Yahudi, mereka telah meruntuhkan nilai moral dan merendahkan nilai kejujuran dalam urusan kewangan. Mereka kekal tidak bergaul, ditindas. Mereka cuba mencekik ekonomi bangsa-bangsa lain sebagaimana halnya ketika mereka di Sepanyol dan Portugal.

Lebih 1700 tahun mereka mengeluh tentang keadaan nasib mereka yang menyedihkan, di mana mereka telah dikeluarkan dari tanah air mereka. Tetapi apabila masyarakat dunia yang bertamadun ingin mengembalikan mereka ke tanah air mereka, mereka dengan segera mencari alasan untuk tidak mahu kembali ke tanah air mereka. Kenapa? Kerana orang-orang Yahudi adalah umpama “drakula”. Makhluk “drakula” ini tidak akan dapat hidup sesama mereka. Mereka mesti hidup dalam kalangan orang-orang Kristian atau bangsa lain yang tidak ada kaitan dengan bangsa mereka.

Jika mereka tidak dihalau dari Amerika oleh perlombagaan, mereka akan bertambah kuat di negara ini. Dalam tempoh 100 tahun, mereka akan memerintah dan memusnahkan kita dengan cara mengubah corak kerajaan kita, di mana tempat kita menumpahkan darah kita, mengorbankan jiwa kita. Orang-orang Yahudi juga akan membinasakan harta dan kebebasan kita. Jika orang-orang Yahudi tidak dihalau dalam tempoh 200 tahun, anak-anak kita akan bekerja di ladang-ladang mereka, sedangkan mereka bersenang-lenang di dalam rumah-rumah mereka.

Saya memberi amaran kepada kamu wahai orang-orang budiman, kalau kamu tidak menghalau orang-orang Yahudi, anak-anak kamu



akan menyumpah kamu di kubur-kubur kamu. Matlamat dan cara berfikir orang-orang Yahudi tidak sesuai dengan jiwa orang-orang Amerika biarpun mereka telah hidup bersama kita beberapa lama. Ini kerana, harimau kumbang tidak sama sekali akan mengubah tompok-tompoknya. Mereka akan memusnahkan institusi-institusi kita, mereka mesti dihalau dengan cara perlombagaan.”⁶⁶

2. George Washington, Presiden pertama Amerika Syarikat, pernah menzahirkan kekesalannya kerana kebanyakan negara di dunia tidak mengambil endah mengenai ancaman Yahudi:

“Mereka (orang-orang Yahudi) berusaha keras menentang kita lebih daripada apa yang telah dibuat oleh tentera musuh. Mereka beratus kali lebih merbahaya kepada kita dan menjadi punca utama terhadap masalah yang sedang kita hadapi. Adalah sangat dikesalkan negara-negara dahulunya tidak memburu mereka dengan menganggap mereka sebagai serangga perosak kepada masyarakat. Mereka lah menjadi musuh terbesar kepada kegembiraan Amerika.”⁶⁷

3. Martin Luther menjelaskan sifat orang-orang Yahudi:

“Mereka itu adalah pembohong yang sebenar-benarnya, penghisap darah. Mereka tidak cukup hanya dengan menyelewengkan kitab suci serta merosakkannya dari kulit ke kulit, bahkan telah menafsirkan isi kandungannya sesuka hati mereka.”⁶⁸

4. Henry Ford menjelaskan peranan gerakan Yahudi antarabangsa dalam mencetuskan perperangan:

“Saya telah mengkaji punca-punca berlakunya perperangan dan menyakini bahawa semua perperangan yang berlaku adalah dirancang supaya memberi keuntungan kepada satu pihak. Pihak yang mendapat keuntungan ialah institusi kewangan antarabangsa orang-orang Yahudi dan segelintir golongan bukan Yahudi yang mempunyai hubungan dengan Yahudi. Golongan-golongan ini dikenali dengan nama Yahudi antarabangsa sama ada, Yahudi

Jerman, Yahudi Perancis, Yahudi Inggeris dan Yahudi Amerika. Mereka memulakan perperangan dengan cara menyemarakkan semangat kebangsaan, dan natijahnya sebuah bangsa akan memusuhi bangsa yang lain. Kumpulan-kumpulan berbahaya ini mendapat keuntungan dengan cara membekalkan senjata sebelum perperangan, meminjamkan duit kepada kerajaan pada pra dan pasca perperangan. Semua bangsa yang berperang terpaksa menggunakan material yang dikawal oleh Yahudi.”⁶⁹

5. Dr. David Duke, bekas anggota Kongres Amerika Syarikat, mengkritik Zionis dan menyifatkan gerakan itu sebagai masalah kepada umat global. Beliau juga menegaskan bahawa Zionis telah mendominasi bank-bank antarabangsa dengan kekuatan kewangannya. Antara petikan kata-kata beliau yang disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu pada 13 Januari 2014:

“...bukan itu sahaja, Zionis juga menguasai media dan politik dunia, sehingga banyak pihak menutup mata atas apa yang mereka lakukan terhadap penduduk Palestin.”

Setiap anggota politik di Amerika Syarikat (AS) sedar bahawa mereka akan mendapat liputan media yang baik sekiranya menyokong Israel.

Tidak ada seorang pun anggota Kongres AS yang benar-benar sanggup berdiri menyokong Zionis, dan sokongan yang ditunjukkan (kepada Zionis) selama ini adalah kerana 'disogok' dengan wang.

Kongres bijak menggunakan wang untuk mengekalkan kuasa dan apa yang boleh saya katakan, hal itu amat memalukan rakyat AS

Zionisme adalah masalah dunia dan kita bertanggungjawab untuk menyelamatkan pelbagai perkara serta memahami situasi yang berlaku kini.”⁷⁰

Di samping itu, akhbar Utusan Melayu bertarikh 17 Disember 2013 melaporkan bahawa Persatuan Pengajian Amerika di Amerika Syarikat yang dianggotai lebih 5,000 orang guru dan penyelidik telah meluluskan cadangan untuk memulaukan universiti di Israel. Tindakan Persatuan Pengajian Amerika itu merupakan yang kedua bagi sebuah pertubuhan akademik Amerika Syarikat meluluskan usaha memulaukan universiti-universiti Israel.⁷¹

4.2 FATWA ULAMA-ULAMA ISLAM

1. Universiti Al-Azhar selaku institusi tertua di dunia Islam telah mengeluarkan fatwa melarang umat Islam menyertai mana-mana pertubuhan yang mempunyai kaitan dengan pertubuhan Yahudi sedunia. Fatwa yang telah diwartakan tersebut berbunyi:

“Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam, semoga dilimpahkan rahmat kepada Junjungan kita, Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Agama Islam dan kaum Muslimin tidak pernah berhenti diserang oleh musuh yang jumlahnya tidak terhitung, menggunakan pelbagai senjata berbentuk fizikal mahupun intelektual. Mereka hendak melakukan tipu daya terhadap Islam dan umatnya. Tetapi Allah sentiasa menolong dan meninggikan mereka, sebagaimana Allah berfirman dalam Surah Ali ‘Imran, ayat 54:

وَمَكَرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَمْكُرِينَ

Maksudnya:

“Dan mereka membuat tipu daya dan Allah juga membuat tipu daya, dan sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik membuat tipu daya terhadap mereka.”

Antara cara yang digunakan untuk memerangi Islam ialah berupa pertubuhan-pertubuhan yang didirikan dengan menyebarkan cogan kata persaudaraan dan juga kemanusiaan. Di sebalik cogan kata itu mereka mempunyai tujuan yang dirahsiakan. Antara pertubuhan tersebut ialah Freemasonry dan pertubuhan-pertubuhan lain di bawah kekuasaannya seperti Kelab Rotary dan Kelab Lions. Kedua-dua pertubuhan ini merupakan pertubuhan yang paling bahaya kerana didalangi oleh golongan Yahudi dan pertubuhan Zionis untuk menguasai dunia. Mereka berusaha untuk menghancurkan semua agama, menyebarkan keruntuhan akhlak dan moral serta memperalatkan rakyat tempatan untuk menguasai negaranya atas nama kemanusiaan. Maka, diharamkan bagi kaum Muslimin untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan ini dan mengelakkan diri daripada bersikap seperti "pak turut" dalam menghadapi setiap seruan. Setiap Muslim wajib mengikuti perintah Rasulullah SAW yang telah bersabda:

'Tidak selayaknya salah seorang di antara kamu bersikap seperti "pak turut" yang berkata: Aku bersama-sama dengan sekelompok manusia. Tetapi hendaklah kamu menjadi seorang penduduk (rakyat) yang baik. Apabila manusia berbuat baik, maka hendaklah kamu juga berbuat baik dan apabila mereka berbuat buruk maka jauhilah perbuatan mereka yang buruk itu.'

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

*Setiap Muslim mesti selalu berwaspada sehingga dia tidak terpedaya. Orang-orang Islam sudah memiliki pertubuhan sendiri yang jelas tujuannya..."*⁷²

2. Majma' Fiqh Islami telah bersidang di Makkah selama lima hari iaitu pada pada 14-18 Rabiul Awal 1394 Hijrah bersamaan 1974 Masihi. Persidangan yang dihadiri oleh sebilangan besar umat Islam ini telah membincangkan isu-isu yang berkaitan kepentingan umat Islam. Resolusi ke-10 dalam persidangan tersebut khusus membincangkan ancaman

Freemason, Kelab Rotary dan Kelab Lion. Ketetapan tersebut berbunyi:

"Freemason ialah pertubuhan sulit yang berbahaya, mempunyai kaitan dengan gerakan Zionis dunia. Pertubuhan ini sebenarnya digerakkan oleh Zionis bagi melaksanakan cita-citanya. Gerakan ini juga berselindung di sebalik slogan kebebasan, persaudaraan dan persamaan dan slogan-slogan lain yang menyebabkan ramai dalam kalangan orang-orang Islam terjebak ke dalamnya. Menjadi tanggungjawab umat Islam untuk berpegang kepada ketetapan-ketetapan yang berikut:

- i. *Menjadi kewajipan setiap orang Islam keluar daripada pertubuhan-pertubuhan ini sesegera yang mungkin.*
 - ii. *Diharamkan memilih orang-orang Islam yang terlibat dengan pertubuhan ini untuk menjalankan apa sahaja kerja-kerja Islami.*
 - iii. *Pihak kerajaan hendaklah bertindak menghalang aktiviti pertubuhan-pertubuhan ini dan menutup tempat perhimpunan mereka.*
 - iv. *Tidak boleh melantik mana-mana individu yang terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan ini serta hendaklah memutuskan hubungan dengan mereka.*
 - v. *Mendedahkan rahsia-rahsia pertubuhan-pertubuhan ini melalui buku-buku yang dicetak dengan harga yang berpatutan.⁷³*
3. Berkaitan isu Palestin yang dijajah oleh Zionis bagi merealisasikan langkah pertama mereka membina Israel Raya, para ulama telah mengeluarkan fatwa mengharamkan mana-mana penduduk menyerahkan tanah mereka kepada Yahudi Zionis. Antara isi penting teks tersebut adalah:

"Kami (para ulama yang bersidang) menandatangani watikah ini, bagi menjelaskan kepada seluruh kaum Muslimin bahawa orang Yahudi adalah paling keras permusuhan mereka terhadap orang-orang yang beriman. Mereka telah merampas tanah Palestin, menceroboh kehormatan kaum Muslimin dan menghalau para penduduknya serta mencemarkan kesuciannya. Mereka selamanya tidak akan berhenti sehingga mereka dapat menghancurkan agama Islam.

Kita mengetahui bahawa jihad adalah satu-satunya cara untuk membebaskan bumi Palestin. Bahawasanya tidak harus dalam keadaan apa sekalipun mengiktiraf penjajahan Yahudi walaupun sejengkal terhadap bumi Palestin. Tidak diharuskan seorang pun atau mana-mana pertubuhan untuk memperakui hak Yahudi ke atas Palestin.

Sesungguhnya pengiktirafan sebegini adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap Allah dan RasulNya terhadap amanah yang diwakilkan oleh umat Islam untuk memelihara dan menjaga bumi Palestin. Allah SWT telah berfirman: 'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah SWT dan amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahuinya.' Apakah dia pengkhianatan yang lebih besar daripada menjual tanah suci kaum Muslimin dan menyerahkan tanah air umat Islam kepada musuh Allah dan RasulNya serta musuh kepada keseluruhan orang-orang beriman? Sesungguhnya kami meyakini bahawa Palestin adalah adalah bumi milik orang Islam dan akan terus kekal selamanya menjadi milik orang Islam. Bumi ini pastinya akan dibebaskan oleh pahlawan-pahlawan Islam daripada kekotoran Yahudi sebagaimana Solahuddin Al-Fatih pernah membebaskannya daripada tentera Salib."

Fatwa ini telah ditandatangani oleh 63 ulama seluruh dunia Islam. Antara yang terkenal adalah Sheikh Mustafa Masyhur (Murshidul 'Am Ikhawanul Muslimin Mesir), Sheikh Muhammad Al-Ghazali (pendakwah terkenal dari

Mesir), Prof. Dr. Yusof Al-Qaradawi (Dekan Kuliah Syariah Universiti Qatar), Qadhi Husin Ahmad (Amir Jamaat Islami Pakistan), Dr. Umar Sulaiman Al-Ashqar, Dr. Muhammad Naim Yasin, As-Syahid Dr. Abdullah Azzam, Dr. Wahbah Zuhaili dan lain-lain.⁷⁴

4. Prof. Dr. Yusof Al-Qaradawi, Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia, sejak dahulu dengan tegas menolak sebarang usaha yang boleh menguatkan kedudukan negara haram Zionis. Beliau telah menegaskan dalam fatwanya di stesen televisyen Al-Jazeera pada Jun 2002 dalam kempen pengharaman perjanjian damai dengan Israel. Beliau menegaskan:

"Saya telah keluarkan fatwa sejak bertahun lalu tentang pengharaman perjanjian damai dengan Israel. Fatwa ini tersebar luas dalam media massa. Saya telah membincangkan perkara ini dengan para ulama besar dan sebahagian mereka menolak fatwa ini. Mereka menyatakan bahawa kaum Muslimin boleh melakukan gencatan senjata dan menghentikan peperangan dengan musuh."

Penegasan Al-Qaradawi tersebut bermaksud menafikan sebarang pengiktirafan umat Islam terhadap negara haram Zionis.⁷⁵ Tambahan pula, perdamaian yang dimaksudkan dalam konteks umat Islam dan Yahudi adalah perdamaian palsu yang sentiasa dimungkiri oleh Yahudi. Cukuplah sejarah menjadi bukti bagaimana pencabulan demi pencabulan orang-orang Yahudi terhadap perjanjian mereka bersama Rasulullah SAW. Al-Qaradawi juga menegaskan kewajipan umat Islam untuk memboikot apa sahaja produk yang dikeluarkan oleh Zionis. Beliau menegaskan:

"Tidak memboikot Israel bukan sahaja haram tapi merupakan dosa besar yang berlawanan terhadap syariat Islam."

Beliau menutup bicaranya dengan menyatakan bahawa umat Islam di saat ini mengalami kelemahan dari aspek

penguasaan media massa. Hal ini memberi kelebihan kepada golongan Yahudi Zionis untuk meyebarkan dakyah dan kepalsuan mereka ke seluruh dunia.⁷⁶

Al-Qaradawi juga masih teguh dengan fatwanya yang tidak membenarkan umat Islam menziarahi Baitulmuqaddis kerana masih dikuasai oleh Zionis. Dalam perjumpaannya dengan Mufti Baitulmuqaddis, Sheikh Ikrimah Sabri pada Februari 2014, Al-Qaradawi menegaskan bahawa menziarahi Baitulmuqaddis bermaksud mengiktiraf hak Zionis seterusnya menyumbang pada kekuatan ekonomi mereka.⁷⁷

4.3 KETETAPAN UNDANG-UNDANG NEGARA MALAYSIA

Sejak awal kemerdekaan, Malaysia tidak pernah menjalin hubungan diplomatik dengan negara Zionis Yahudi kerana tindakan mereka yang menzalimi rakyat Palestin. Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Zionis sejak zaman Tunku Abdul Rahman ditegaskan lagi di era pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sehingga ke hari ini, Malaysia terus konsisten dengan dasar tidak mengiktiraf hubungan diplomatik dengan Israel. Rakyat Malaysia bebas untuk ke mana sahaja, kecuali negara Israel.

Ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau menegaskan bahawa pendekatan terbaik untuk merealisasikan aspirasi rakyat Palestin adalah melalui rundingan diplomasi untuk mencapai kedamaian dan pembentukan sebuah negara Palestin yang berkekalan. Untuk tujuan itu, Tun Dr. Mahathir telah mengutus beberapa pucuk surat kepada Perdana Menteri Israel bertujuan mempromosikan kaedah berdiplomasi sebagai cara mencapai perdamaian. Antara petikan surat beliau pada tahun 1997 kepada Benjamin Netanyahu:

"Malaysia percaya kepada keamanan dan penyelesaian masalah antara negara berjiran menerusi rundingan. Sebagai jalan keluar terakhir, kami beralih kepada pihak ketiga..."

"....Perkara penting yang ingin saya tekan kan ialah untuk tidak mengambil apa yang telahpun menjadi kepunyaan orang lain sungguhpun daripada segi sejarah, ia mungkin kepunyaan tuan. Akhir-akhir ini Israel telah merobohkan penempatan Arab dalam usaha mendirikan rumah bagi rakyat Israel. Seluruh dunia, termasuk sekutu tuan, Amerika Syarikat, mengutuk tindakan ini. Namun Israel tetap meneruskan juga...."

Surat beliau kepada Ehud Barak pada tahun 1999 mengulangi pendirian yang sama:

"...Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengulangi pendirian Malaysia yang sentiasa memperjuangkan keamanan dan penyelesaian masalah antara jiran menerusi rundingan. Oleh itu, menjadi harapan kami untuk melihat pelaksanaan bersama perjanjian yang ditandatangani antara PLO (Palestine Liberation Organization) dan Israel. Kami juga percaya jika proses perdamaian hendak diselamatkan, langkah-langkah berkesan mesti diambil untuk memenuhi komitmen. Sebagai rakan penting dalam proses damai adalah mustahak bagi Israel lebih bersedia bertolak ansur. Rakyat Palestin telah membuat pengorbanan besar..."⁷⁸

Kemungkinan pendekatan 'lunak' Tun Dr Mahathir tidak memberi kesan terhadap kedegilan Yahudi Zionis sebagaimana yang diharapkan telah mendorong Tun Dr. Mahathir melancarkan kritikan keras beliau terhadap Zionis dalam Persidangan OIC pada tahun 2003:

"Kita (Muslim) sebenarnya sangat kuat, 1.3 bilion umat di seluruh dunia tidak mudah sewenangnya dihancurkan. Nazi telah membunuh enam juta daripada 12 juta Yahudi (ketika zaman Holocaust). Tapi hari ini Yahudi memerintah dunia dengan proksi. Mereka dapatkan orang lain untuk bergaduh dan mati untuk mereka. Mereka mencipta

sosialisme, komunisme, hak asasi manusia dan demokrasi supaya yang tidak menurutinya dikira salah supaya mereka boleh menikmati hak-hak yang sama dengan orang lain. Dengan ini, mereka kini berjaya menguasai negara-negara yang paling berkuasa. Dan mereka, komuniti kecil ini, telah menjadi kuasa dunia."

4.4 NATIJAH PEMBOIKOTAN EKONOMI TERHADAP ZIONIS

Walaupun sesetengah pihak menganggap usaha memboikot produk keluaran negara Zionis sia-sia dan tidak memberi kesan yang diharapkan, laporan yang diterima adalah sebaliknya. Contohnya, Akhbar *Yedioth Ahronoth* bertarikh 3 Februari 2014, akhbar harian yang diterbitkan di Tel Aviv melaporkan bahawa rejim Zionis Israel mengalami kerugian besar akibat kempen memboikot barang keluaran Israel. Lebih 70 buah kilang perusahaan menderita kerugian yang sangat besar, iaitu kira-kira USD 20 juta. Disebabkan kerugian besar ini, pihak pengurusan kilang terpaksa memecat 10 ribu pekerja.

Usaha pemboikotan ini sebenarnya senjata yang sangat berkesan dalam menangani kesombongan Zionis. Sebenarnya kempen memboikot orang-orang Yahudi telah bermula sebelum penubuhan negara Zionis lagi, iaitu seawal tahun 1922 di mana Jawatankuasa Pelaksana Parlimen Syria-Palestin menyeru supaya memulaukan peniaga-peniaga Yahudi. Seruan ini diulangi lagi pada tahun 1934 dan dilaksanakan oleh Kesatuan Pekerja Arab. Tidak cukup menyeru supaya memboikot orang-orang Yahudi, pada tahun 1936, pemimpin-pemimpin berpangaruh dalam kebangkitan rakyat Palestin telah mengancam sesiapa dalam kalangan orang Arab yang tidak memulaukan peniaga-peniaga Yahudi.

Pada tahun 1945, Liga Arab telah mengeluarkan arahan rasmi pada bulan Disember tahun 1945 yang berbunyi:

“Pemboikotan secara rasmi terhadap produk-produk keluaran orang Yahudi. Usaha ini harus juga dilaksanakan oleh kesemua pertubuhan, organisasi dan para peniaga supaya memulaukan semua barang Zionis. Pemulauan ini merangkumi tiga peringkat iaitu; pemulauan peringkat pertama yang merangkumi kesemua barang keluaran Yahudi Zionis, pemulauan peringkat kedua iaitu terhadap barang yang dikeluarkan oleh syarikat yang mempunyai hubungan dengan Yahudi Zionis dan peringkat ketiga ialah pemulauan terhadap syarikat yang menggunakan khidmat Zionis untuk memasarkan barang mereka.”⁷⁹

Gerakan Zionis sudah semestinya tidak berdiam diri dengan kempen pemboikotan yang berterusan hingga kini. Kempen memulaukan produk Israel ternyata memberi kesan buruk ke atas rejim Zionis. Perkara ini dinyatakan dalam laporan akhbar Utusan Melayu bertarikh 8 Februari 2014 yang melaporkan seorang pemimpin tertinggi Yahudi Amerika mendakwa tindakan tersebut merupakan cabaran terbesar yang dihadapi sekutu kuat Amerika Syarikat itu. Cabaran berkenaan disuarakan oleh Timbalan Ketua Eksekutif Persidangan Persatuan Utama Yahudi Amerika, Malcolm Hoenlein yang meminta kerajaan barat bekerjasama bagi menentang kempen tersebut.⁷⁹

4.5 KESIMPULAN

Secara umumnya masyarakat antarabangsa, umat Islam dan kebanyakan pemimpin dunia menyedari bahaya Zionis, tetapi tidak mampu mengambil tindakan yang boleh memberi pengajaran kepada mereka. Tindakan paling berkesan yang dapat dilakukan adalah melalui usaha memboikot produk-produk Zionis dan negara-negara yang menjadi sekutu mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan faktor ekonomi dunia dan institusi kewangan yang berada di tangan mereka, ditambah pula dengan penguasaan politik, usaha boikot ini masih belum mampu memberikan impak maksimum kepada mereka.

BAB 5

PERSEDIAAN UMAT ISLAM MENGHADAPI ZIONIS

5.0 MUKADIMAH

Pelan tindakan yang tersusun wajib dirangka bagi membendung gelombang Zionisme daripada terus membadi masyarakat Islam. Sementara cahaya Islam masih belum terpadam, langkah-langkah yang drastik perlu digembleng bagi mengejutkan lamunan panjang umat Islam daripada terus terbuai dengan mimpi-mimpi indah yang mengasyikkan. Sedangkan pada masa yang sama, musuh-musuh Islam terutamanya Yahudi Zionis terus-menerus merancang untuk melenyapkan saki baki kekuatan yang masih tinggal. Tidak berpada dengan ‘menyembelih’ Khilafah Uthmaniah yang menjadi pelindung kepada seluruh umat Islam. Zuriat khilafah ini iaitu kaum Muslimin secara keseluruhannya harus sama dikuburkan.

Oleh yang demikian, setiap pihak harus memainkan peranan membendung kemaraan Zionis. Pihak kerajaan wajib bertanggungjawab memberikan kesedaran kepada rakyat, demikian juga seluruh umat Islam wajib berperanan dalam posisi masing-masing. Tidak ada seorang pun yang boleh berpeluk tubuh atau terlena leka setelah menyedari ancaman Zionis kepada umat Islam.

5.1 MENANGANI CABARAN PENGUASAAN OLEH GOLONGAN YAHUDI ZIONIS

1. Peranan Kerajaan

- i. Menetapkan undang-undang melarang umat Islam daripada menyertai pertubuhan-pertubuhan tersebut sama ada dengan menjadi ahli secara langsung ataupun mengikuti aktiviti dan program yang dianjurkan oleh mereka. Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab yang lalu, Majlis Ulama Al-Azhar telah memfatwakan haram menyertai pertubuhan-pertubuhan ini kerana terdapat bukti yang jelas perkaitan mereka dengan Gerakan Yahudi antarabangsa. Ini adalah kerana antara kaedah yang digunakan oleh Gerakan Zionis antarabangsa ialah mengelabui masyarakat dunia dengan bergerak melalui pertubuhan kebajikan seperti Kelab Lion dan Kelab Rotary. Malangnya, kedua-dua buah pertubuhan ini didaftarkan dan bergerak secara sah di Malaysia sejak tahun 80-an lagi. Apa yang menyedihkan juga, antara yang terlibat secara aktif adalah terdiri daripada kalangan tokoh kenamaan Melayu beragama Islam.⁸⁰
- ii. Melaksanakan pemantauan dan tindakan undang-undang terhadap ajaran sesat yang mempunyai kaitan dengan Zionis juga harus dipertingkatkan. Contohnya, ajaran Qadiani dan Bahai yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan negara haram Zionis.⁸¹ Berbeza dengan Kelab Lions dan Kelab Rotary yang dibenarkan untuk bergerak secara legal, ajaran Qadiani dan Bahai telah difatwakan sesat oleh pihak berkuasa agama di Malaysia.⁸² Kedua-dua ajaran ini menyeru penganutnya supaya membebaskan diri daripada terikat dengan nilai-nilai Islam. Usaha terancang ini bertujuan melemahkan kepercayaan dan pegangan orang Islam terhadap agamanya. Dakyah kumpulan sesat yang menggunakan nama Islam adalah lebih berbahaya berbanding dakyah penganut agama lain.


- iii. Menguar-uarkan secara meluas mengenai ancaman Zionis terhadap umat Islam melalui khutbah Jumaat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun. Adalah munasabah sekiranya khutbah ini dibacakan sempena Hari Nakhbah Palestin. Kandungan khutbah menjurus pada penjelasan bahawa segala musibah yang berlaku di Palestin adalah hasil tipu daya dan konspirasi Gerakan Zionis sedunia.
- iv. Mengetengahkan isu ancaman Zionis dalam kursus-kursus wajib seperti Biro Tatanegara. Isu ancaman Zionis juga boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebahagian daripada modul pengisian Program Latihan Khidmat Negara.
- v. Menggerakkan secara serius agenda rekonsialisasi (perdamaian) peringkat nasional bagi meredakan pertembungan sengit antara parti-parti politik dalam kalangan umat Islam. Pertelingkahan yang berterusan mewujudkan masyarakat yang tidak patriotik dan bersikap prejudis terhadap apa sahaja usaha pihak kerajaan. Dalam hal ini, parti pemerintah begitu juga dengan parti pembangkang perlu bersikap telus. Sesungguhnya, salah satu perancangan Zionis dalam protokol mereka adalah memecahbelahkan masyarakat 'Goyim' dan menguasai mereka.
- vi. Merangka subjek khusus di peringkat menengah dan universiti yang mengetengahkan cabaran dan ancaman utama yang dihadapi oleh umat Islam. Antara ancaman utama yang dihadapi oleh umat Islam ialah virus Zionisme yang sudah mula menular tanpa disedari di dalam nadi umat Islam. Subjek ini boleh dicadangkan sebagai subjek wajib yang mesti dipelajari oleh semua pelajar Muslim sebagaimana subjek-subjek lain yang diwajibkan seperti subjek Pengajian Islam, Pengajian Malaysia dan lain-lain.
- vii. Menguatkuasakan undang-undang terhadap bahan bacaan dan majalah-majalah yang menonjolkan budaya hedonisme

yang merosakkan akhlak golongan muda. Kerajaan seharusnya menyedari bahawa antara kaedah Yahudi Zionis untuk menguasai dunia adalah dengan mempromosikan hiburan melampau dan keruntuhan akhlak.

- viii. Memantau lambakan filem-filem luar kerana terdapat filem yang jelas menggambarkan orang-orang Islam sebagai bangsa yang ganas. Penipuan yang berulang kali disiarkan semestinya memberi imej yang buruk serta meracuni pemikiran masyarakat terutamanya kanak-kanak dan remaja yang sedang meningkat dewasa.
- ix. Mengambil inisiatif di peringkat antarabangsa, sekurang-kurangnya di peringkat OIC, dengan mengutarkan langkah-langkah yang boleh menguatkan negara-negara umat Islam, terutamanya dari aspek ekonomi dan pendidikan. Dalam bab yang lalu, telah didedahkan politik IMF dan Bank Dunia yang membuli negara-negara miskin dalam OIC. Cadangan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkaitan penggunaan dinar emas sebagai mata wang rasmi dalam kalangan negara umat Islam harus difikirkan dan diusahakan secara serius.

2. Peranan Institusi Pengajian Tinggi

- i. Memperkasakan proses Islamisasi ilmu yang telah dimulakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pemerkasaan ini harus memfokuskan pada disiplin-disiplin ilmu sains sosial seperti psikologi dan sosiologi yang dirintis oleh tokoh-tokoh barat. Hakikatnya, kesemua cabang ilmu yang diperkenalkan di Eropah telah dicedok daripada tradisi Islam. Proses Islamisasi ilmu pengetahuan akan membuka paradigma belia dan remaja bahawa Islam tidak ketandusan tokoh dalam bidang sains sosial seperti Ibnu Khaldun, Al-



Ghazali, Al-Jahiz dan tokoh-tokoh cendekiawan Islam yang lain. Teori-teori cendekiawan Islam harus diangkat dan dimartabatkan bagi menggantikan Sigmund Freud, John Paul Satre dan lain-lain.


- ii. Memperbanyak kajian dan penyelidikan terhadap natijah dan tahap keberkesanannya protokol Zionis terutamanya setelah lebih 100 tahun dibentuk. Hasil-hasil kajian ini harus diwacanakan oleh pakar-pakar akademik yang memantau perkembangan Gerakan Zionis seluruh dunia. Wacana-wacana ini harus diadakan secara berkala bagi memupuk kesedaran ahli akademik terutamanya dan masyarakat secara amnya. Program memupuk kesedaran ini menepati saranan Henry Ford yang menyedari ancaman Zionis dan menyeru supaya masyarakat dunia menghadapi mereka dengan menguar-uarkan segala perancangan mereka. Henry Ford menjelaskan bahawa senjata yang paling ampuh untuk menentang prokol-protokol ini ialah menerusi publisiti dan pemberitahuan yang meluas tentang bahaya Zionis kepada tamadun manusia.⁸³
- iii. Mewujudkan kepakaran-kepakaran khusus dan melatih ahli akademik bagi mendepani setiap cabaran dan perancangan Zionis sama ada cabaran dari aspek media, politik dan ekonomi.
- iv. Menggerakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya mempergiatkan kempen pemulauan produk-produk yang dikenal pasti memberi sumbangan langsung kepada pergerakan Yahudi dan Zionis. Seperti yang dijelaskan dalam bab yang terdahulu, kempen memboikot produk-produk keluaran Yahudi ternyata memberi kesan terhadap ekonomi negara Zionis.

3. Peranan Pendidik Dan Agamawan

- i. Memberi pendedahan mengenai perancangan Zionis secara intensif kepada para guru bagi mewujudkan kesedaran kepada mereka. Mereka akan menjadi agen yang berkesan bagi memberi kesedaran kepada anggota masyarakat.
- ii. Menjadikan subjek berkaitan Yahudi dan Zionis sebagai pengisian atau bahan kuliah di masjid dan surau seluruh negara. Rata-ratanya, para agamawan kebiasaannya membincangkan persoalan fiqh, akidah, hadis, sirah dan tafsir. Sangat jarang isu ancaman Zionis dan Yahudi diangkat kecuali apabila membincangkan isu Palestin. Apa yang lebih penting, penceramah harus mengetengahkan perbincangan khusus berkaitan Yahudi dan Zionis yang merangkumi asal usul bangsa Yahudi, sifat-sifat Yahudi, jenayah-jenayah kaum Yahudi terhadap para nabi mereka, perancangan Yahudi moden melalui Gerakan Zionis, pergerakan politik Yahudi sedunia dan segala bentuk cabang-cabangnya iaitu Freemason, Kelab Rotary dan Kelab Lion.

4. Peranan Dan Tanggungjawab Ibu Bapa

- i. Memantau rancangan televisyen yang menjadi tontonan kanak-kanak. Ini kerana terdapat saluran kegemaran kanak-kanak seperti Nickelodeon sebenarnya dimiliki oleh Viacom Inc, syarikat gergasi yang dikuasai Sumner Redstone dan Melvin A.Karmazin, yang mana kedua-duanya adalah Yahudi. Walaupun belum memaparkan rancangan-rancangan yang mempromosikan kerendahan moral, pemantauan berterusan seharusnya dijalankan secara serius oleh ibu bapa.
- ii. Memantau bahan bacaan kanak-kanak. Ini kerana terdapat majalah kartun yang secara halus mengajar perlakuan seks



terhadap kanak-kanak kecil. Contohnya, buku yang telah diharamkan penjualannya, *"Where Did I Come From?"*. Apa yang dikesalkan, buku ini telah mula dijual di pasaran sejak tahun 1997 lagi. Buku ini hanya mendapat perhatian umum setelah didedahkan oleh sebuah parti politik.

- iii. Memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang secukupnya. Anak-anak perlu dibimbing seawal mungkin supaya tidak mudah terjebak dengan anasir-anasir yang merosakkan akhlak.

5.2 KESIMPULAN

Kesimpulan hasil daripada sorotan mengenai Gerakan Yahudi Zionis dapatlah dirumuskan sebagai berikut:

1. Zionisme adalah gerakan paling berbahaya dalam sejarah ketamadunan manusia. Tidak ada sebuah gerakan seumpama Gerakan Zionis yang mempunyai sejarah yang panjang serta perancangan yang begitu teliti, diikuti dengan matlamat yang begitu jauh. Lebih 100 tahun telah berlalu sejak Persidangan Zionis yang pertama pada 1897, jelas kelihatan kejayaan Zionisme merealisasikan protokol-protokolnya sedikit demi sedikit.
2. Yahudi dan Zionis adalah entiti yang sama. Sebarang pemisahan untuk menunjukkan bahawa Yahudi tidak semestinya berbahaya adalah langkah yang silap. Sejarah menunjukkan bahawa, tokoh-tokoh ternama Eropah dan Amerika Syarikat seperti Martin Luther dan George Washington telah memberi amaran ancaman Yahudi kepada umat manusia. Ironinya, amaran ini diungkapkan sebelum kemunculan Gerakan Zionis secara rasmi. Ini bermakna, orang-orang Yahudi sememangnya mewarisi tabiat yang jahat

disebabkan mereka mengikuti ajaran Talmud dan Taurat yang diselewengkan. Mereka hanya boleh menjadi baik apabila meninggalkan agama Yahudi seperti yang dilakukan oleh Muhammad Asad dan Maryam Jameelah, mantan penganut Yahudi yang memeluk agama Islam.

3. Permusuhan Yahudi tidak terhad kepada penduduk Palestin dan bangsa Arab, bahkan terhadap seluruh umat manusia, sepetimana yang ditegaskan oleh Henry Ford. Palestin hanya merupakan pangkalan awal Yahudi Zionis untuk menguasai dunia. Disebabkan permusuhan ini, orang-orang Yahudi tidak akan teragak-agak untuk bertindak kejam terhadap sesiapa sahaja sama ada warga tua, kanak-kanak, mahupun bayi yang masih kecil.
4. Umat Islam tidak akan mampu mendepani cabaran Yahudi Zionis selagi mana mereka tidak menyedari ancaman Zionis. Oleh yang demikian, sebarang kelewatan dan pengabaian terhadap usaha meningkatkan kesedaran akan menatijahkan masyarakat yang tidak peka dan hanyut dibuai mimpi indah, sedangkan Zionis sudah mula menjerut leher mereka sedikit demi sedikit. Justeru, bebanan untuk mencetuskan kesedaran ini tidak hanya tergalas di bahu para agamawan dan ahli akademik, tetapi peranan kerajaan dan ibu bapa adalah sangat penting untuk digerakkan.

NOTA HUJUNG

1. Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Qur'an Al-Azim*. Maktabah Al-Shamilah, hal. 475-476
2. Ibnu Kathir, *Ibid.* Maktabah Al-Shamilah, hal. 264-265
3. Al-Jaza'iri, *Aisar Al-Tafasir*, hal. 30-31, Tantawi, *Al-Wasit*, hal. 102
4. Ibnu Kathir, *Ibid.* Maktabah Al-Shamilah, hal. 283
5. Tantawi, *Al-Wasit*. Maktabah Al-Shamilah, hal. 108
6. Al-Jaza'iri, Abu Bakar Jabir (2006) *Aysar al-tafasir li kalam al-aliyy al-kabir*. Kaherah: Darul Hadis, hal. 49
7. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 398-399
8. Ibn Kathir, *Ibid.* hal. 288-289
9. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 57.
10. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 60.
11. Al-Jaza'iri. *Ibid.* hal. 67
12. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 73.
13. Al-Jaza'iri. *Ibid.* hal. 62.
14. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 271.
15. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 316.
16. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 340.
17. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 343.
18. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 350-351
19. Tantawi, *Ibid.* hal. 1269

20. Tantawi, *Ibid.* hal. 1310-1311
21. Tantawi, *Ibid.* hal. 1313
22. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 362
23. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 370
24. Al-Jaza'iri, *Ibid.* hal. 16
25. Sayyid Qutb, *Fi Zilal Al-Qur'an*, hal. 168
26. Mustafa Yusuf Al-Dawi. (Cet.1). (2008). *Al-irhab al-sahyuni aqidatu mujtama' wa tarikh al-dawlah*. Beirut: Dar Al-Hadi, 2008. Hal. 167-168
27. Mani' bin Hammad. (1989). *Al-mawsu'ah al-muyassarah fi al-adyan wa al-mazahib wa al-ahzab al-mu'asirah*. Dar Al-Nadwah Al-Alamiyyah. Hal. 520-521
28. *Ibid.* hal. 521-524
29. Mustafa Yusuf Al-Dawi, Dr. *Ibid.* hal. 168
30. *Ibid.* hal. 230-248
31. Nasir Muhammad Al-Zaml. (2006). *Al-saohayinah al-judud muhimmatur lam tantahi*. (t.t). Hal. 105-106
32. *Ibid.* hal. 50-51
33. Abdul Rahman Hasan Habannakah. (2002). *Makayid yahudiyyah abra al-tarikh*. Damsyik: Dar Al-Qalam. Hal. 289
34. Hadith Riwayat Imam Al-Bukhari
35. Nik Azran Muhamed, Mohd Mahadi Isa. (2009). *Gerakan freemason*. Selangor: Hijjaz Records Publishing. Hal. 10
36. *Ibid.* hal. 121
37. *Ibid.*

38. *Ibid.* hal. 63-68
39. Abid Tawfiq Al-Hashimi. (2000). *Fadhihat brutukulat hukama' sahyun*. Muassasah Al-Risalah. Hal. 46-47
40. *Ibid.* hal. 46-48
41. *Ibid.* hal. 48-50
42. *Ibid.* hal. 50-52
43. *Ibid.* hal. 53-55
44. *Ibid.* hal. 56-58
45. *Ibid.* hal. 58-59
46. Henry Ford (2002) *The complete international Jew*. Kuala Lumpur: The Other Press. Hal. 98
47. Z.A Maulani. (2002). *Zionisme: Gerakan menaklukkan dunia*. Jakarta: Penerbit Daseta. Hal. 111-114
48. Carr W.G. (t.t). *Yahudi menggenggam dunia*. Hal. 35
49. Abd Rahman Hasan Habannakah. *Ibid*, hal. 302-303
50. *Ibid.* hal. 357-358
51. *Ibid.* hal. 371-372
52. Nik Azran Muhammed, Mohd Mahadi Isa (2009). *Gerakan freemason*. Selangor: Hijjaz Records Publishing. Hal. 47
53. Amr Kamil. (2011). *Al-Gharah al-fikriyyah 'ala al-diyar al-sunniyyah*. Kaherah: Dar Al-Afani. Hal. 450-451
54. Majid Kailani, Dr. (t.t). *Ancaman zionis terhadap dunia islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada. Hal. 199-204
55. Henry Ford (2003). *Ibid.* hal. 33-34

56. Maulani, Z.A., *ibid.* hal. 183-184
57. Salawati Mat Basir. Ketidakadilan perjanjian kewangan IMF: Kesan ke atas negara-negara anggota OIC. *Jurnal Undang-undang*. UKM, Bangi.
58. *Ibid.* hal. 25
59. Anwar Jundi. (t.t). *As-Sahyuniyyah wa Al-Islam*. Kaherah: Darul Ansar. Hal. 27
60. Anwar Jundi, *Ibid.* hal. 25
61. *Utusan Malaysia*, 17 Oktober 2013
62. *Who Rules America?* National Vanguard Books. hal. 12
63. *Ibid.* hal. 2
64. *Ibid.* hal. 19
65. Sulaiman Noordin. (2008). *Sejarah pemikiran* 1. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa. Hal. 144
66. Al-Khatib, Muhammad Namr. (t.t). *Haqiqat al-yahud wa al-matomi' al-sahyuniyyah*. Beirut: Dar Al-Maktabah Bi Al-Hayah. Hal. 62
67. Al-Fatih, Zuhdi (t.t). *The Jews*. Hal. 3.
68. Abid Tawfik Al-Hashimi, Prof. Dr. (2000). *Fadhihah brutukulat hukama' sahyun*. Beirut: Muassasah Al-Risalah. Hal. 12
69. Al-Fatih, Zuhdi. (1972). *The Jews*. t.p. hal. 68
70. *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2014
71. *Utusan Malaysia*, 17 Disember 2013
72. Abu Islam Ahmad Abdullah. (1987). *Al-masuniyyah saritan al-umam*. Hal. 125-126

73. Atho'ullah Bakhit. (1988). *Athar al-inhiraf al-aqadi wa al-fikri inda al-yahud ala al-fikr al-sahyuni al-muasir*. Hal. 495-496
74. *Muntada Al-Toriq ila Allah*. Diakses pada 21 Jun 2014
75. Maszlee Malik. (2007). *Peluru lawan batu: Konflik Palestin & Islam*. Selangor: Karya Bestari. Hal. 234-235
76. *Ibid.* hal 236
77. Qaradawi.net. Diakses pada 21 Jun 2014
78. *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2012.
79. *Utusan Malaysia*, 8 Februari 2014
80. <http://www.e-clubhouse.org/sites/subangjaya/page-7.php>,
<http://rotarymalaysiafoundation.org/about/>. Diakses pada 18 Julai 2014
81. Mani' Bin Hammad. (1989). *Al-Mawṣu'ah al-muyassarah fi al-adyan wa al-mazahib wa al-ahzab al-mu'asirah*. Dar Al-Nadwah Al-Alamiyyah. Hal. 413, 419
82. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-bahai>,
<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-ahmadiah-qadiani>. Diakses pada 18 Julai 2014
83. Henry Ford. (2002). *The complete international Jew*. Kuala Lumpur: The Other Press. hal. 104